



Hujung Minggu

فیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.43 SUBUH 4.53 SYURUK 6.10 DUHA 6.32 ZUHUR 12.14 ASAR 3.21 MAGHRIB 6.17 ISYAK 7.26 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 114

21 SEPTEMBER 2024 / 1446

بیع الول

17

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

MANISNYA IMAN ایمان

"WAHAI manusia! Makanlah makanan daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh nyata bagi kamu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 168.

USAHA BERSEPADU TANGANI ISU KESIHATAN MENTAL

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BERAKAS, Rabu, 18 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah orang-orang yang mengalami kecelaran mental biasanya menghadapi gangguan emosi dan pemikiran, dan sekali gus boleh mengganggu hubungan sosial mereka dengan orang lain.

Sebab itu, mental yang sihat adalah diperlukan, untuk seseorang dapat mengurus emosi dan menikmati kehidupan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Perasmian Majlis Ilmu 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Mohammad Hasif Matzin (Lihat muka 2)



Al-Quran ubat penyakit hati

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

BERAKAS, Rabu, 18 September. - Hati yang sihat, mencerminkan perilaku yang baik, sebaliknya jika hati sakit mencerminkan perilaku yang buruk dan menurut Imam al-Ghazali, perilaku atau akhlak yang buruk merupakan penyakit hati dan gangguan jiwa.

Adapun perawatan psikiatri dan psikologi sudah lama terpakai untuk merawat penyakit mental, namun masih perlu bagi kita mencari pelengkap sebagai gandingan kepada rawatan-rawatan psikiatri dan psikologi itu berdasarkan gejala mental terus meningkat.

>> Muka 15

Komitded memperkuuh agenda integrasi ekonomi ASEAN

Siaran Akbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-56 (56th AEM) dan Mesyuarat Berkaitan telah diadakan pada 16 dan 17 September 2024 di Vientiane, Republik Rakyat Lao (Lao PDR).

Hadir ke mesyuarat tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Siri mesyuarat yang dipengerusikan oleh Lao PDR ini termasuk Mesyuarat AEM Ke-56 - Mesyuarat Majlis Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN Ke-38 (AFTA), Mesyuarat AEM Ke-56 - Mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan ASEAN Ke-27 (AIA), Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Ke-22 (ASEAN-BAC), dan Mesyuarat AEM Ke-56.

>> Muka 10

Perkuuh pertahanan siber negara, lindungi infrastruktur kritikal

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

JERUDONG, Rabu, 18 September. - Dalam dunia yang semakin saling berhubungan hari ini, keselamatan infrastruktur digital adalah sangat penting yang mana ia adalah asas kepada keselamatan negara, kemajuan ekonomi, dan kesejahteraan negara kita.

Sebagai respons kepada keperluan mendesak ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil tindakan tegas dengan penggubalan Akta Keselamatan Siber 2023, untuk melindungi Infrastruktur Maklumat Kritis (CI).

>> Muka 13



Berita Utama



MAJLIS Bertahlil sempena Sambutan Hari Guru

Muka 9



LEBIH 60 pelajar berlepas meninggalkan NBD untuk lanjutkan pengajian

Muka 17



FEKIM UNISSA terima Anugerah GIFA

Muka 24



Usaha bersepadu tangani isu kesihatan mental

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
 Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said,
 Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin, Ak. Md. Hasnal Ali
 Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

>> Muka 1

"Sebaliknya seseorang yang mempunyai keceluaran mental tidak akan dapat berbuat demikian, bahkan akan gagal untuk menangani sebarang cabaran," demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menyempurnakan Perasmian Majlis Ilmu 2024 sempena Hari Keputeraan baginda Ke-78 Tahun, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah melahirkan rasa gembira dan bersyukur kerana dengan inayah Allah jua Majlis Ilmu dapat dilaksanakan pada setiap tahun.

Kebawah DYMM bertitah melihat majlis itu sejak ia mula-mula diadakan telah banyak mengongsikan pelbagai ilmu dan maklumat yang sangat berafaedah.

Tema Majlis Ilmu tahun ini 'Menangani Gejala Mental', pada hemat baginda, sangat signifikan, kerana penyakit mental, sama ada di peringkat nasional maupun global adalah semakin meningkat.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) sahaja tegas titah baginda, seramai 13,246 orang dicatatkan



telah menerima rawatan, berbanding 11,231 orang pada tahun lepas.

Kebawah DYMM bertitah menekankan perkara ini sangat membimbangkan kerana ia bukan sahaja berlaku dalam kalangan orang awam, bahkan juga di kalangan penjawat awam dan pelajar sekolah.

Oleh itu, titah baginda, ia mesti ditangani oleh pihak-pihak berkepentingan di negara ini.

"Menurut ajaran uugama Islam, kesihatan fizikal dan kesihatan sihat mental adalah merupakan anugerah dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, yang wajib dijaga sebagai salah satu Maqasid Syariah.

"Dalam konteks NBD, ikhtiar menangani gejala mental telah dan sedang dilaksanakan," titah baginda.

Antaranya Kerajaan Kebawah DYMM telah meningkatkan jumlah pegawai psikologi dan menambahkan masa perkhidmatan Talian Harapan 145 iaitu talian bantuan dan sokongan kesihatan mental kepada 24 jam setiap hari.

Kebawah DYMM bertitah berharap usaha-usaha bersepadu daripada pihak kesihatan dan pihak ugama akan diteruskan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Perasmian Majlis Ilmu 2024.

untuk sama-sama menangani isu-isu kesihatan mental.

Dalam hal ini, baginda gembira mengetahui bahawa usaha-usaha bersepadu daripada pihak kesihatan, pihak ugama dan pihak perkhidmatan awam dengan sokongan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) telah menjalankan beberapa program, antaranya Jerayawara Kesihatan Mental di Tempat Kerja, di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang memfokus kepada pendidikan kesihatan mental dari perspektif Islam dan sains.

Kebawah DYMM juga bertitah mengambil maklum, pada masa ini salah satu tindakan utama di dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental NBD 2022 - 2025, iaitu Program Latihan Asas Kesihatan Mental Untuk Pemimpin Masyarakat, khusus kepada para da'i, imam, ustaz dan yang menggabungkan ilmu rawatan saintifik dan kerohanian, telah dijalankan secara kerjasama di antara pihak kesihatan dan pihak ugama.



Pada hemat baginda, perkara ini juga, masih perlu dipantau dan difikirkan keberkesanannya, atau jika ada cara lain yang lebih berkenaan.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah menyeru kepada ahli keluarga dan anggota masyarakat supaya turut sama-sama bertanggungjawab dan berperanan dalam membantu dan menyokong pesakit dalam proses pemuliharaan atau penyembuhan.

Majlis Ilmu tahun ini titah

baginda turut diisi dengan Majlis Pelancaran dua buku bertajuk 'Menyambut Hari Keputeraan Raja Dengan Semangat Ihal Hijrah' dan buku, Amalan Penjaagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi : Buku Doa dan Zikir'.

Baginda seterusnya bertitah mengucapkan tahniah atas usaha yang bermilai dan bermanfaat itu serta tidak lupa mengucapkan tahniah kepada pengajur dan semua ahli jawatankuasa yang terlibat.

WAKTU SEMBAHYANG

September MASIHI	HARI	Rabiulawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	SABTU	17	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26
22	AHAD	18	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25
23	ISNIN	19	4.42	4.52	6.09	6.32	12.14	3.22	6.16	7.25
24	SELASA	20	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
25	RABU	21	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24
26	KHAMIS	22	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.14	7.23
27	JUMAAT	23	4.42	4.52	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU Bandar Seri Begawan	AHAD	ISNIN
 31 °C 24 °C	 33 °C 24 °C	 33 °C 25 °C
 31 °C 24 °C	 33 °C 24 °C	 33 °C 26 °C
 31 °C 24 °C	 33 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
 31 °C 24 °C	 33 °C 25 °C	 33 °C 26 °C

WallahuAlam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 21 SEPTEMBER 2024

Cari ketenangan dengan membaca Al-Quran

AJARAN Islam menyediakan pendekatan holistik mengenai kesihatan mental. Apabila kita membaca Al-Quran dan menghayati isi kandungan surah-surah tertentu kita akan dapat mempelajari bahawa Al-Quran menyediakan banyak jawapan kepada masalah-masalah yang kita hadapi sebagai manusia termasuk masalah kesihatan berkaitan mental dan emosi. Al-Quran menjelaskan bahawa kehidupan dunia kita akan dipenuhi dengan ujian. Setiap individu akan menghadapi ujian mereka sendiri, termasuk cabaran emosi. Perasaan seperti ketakutan, keimbangan dan kesedihan adalah beberapa emosi semula jadi yang dialami oleh semua manusia pada tahap tertentu. Malah para nabi juga merasakan emosi ini. Terdapat pengajaran yang berharga dalam kisah-kisah Al-Quran para nabi.

Apabila kita mengalami masalah berkaitan kesihatan mental dan emosi adalah penting untuk kita tahu bahawa setiap masalah itu ada jalan keluarnya dan ia tidak akan berpanjangan. Dan penting juga untuk kita tahu dan yakin bahawa kita tidak bersendirian dan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa bersama kita seperti yang dinyatakan dalam Surah At-Taubah ayat 40, "Janganlah kamu bersedih, sesungguhnya Allah bersama kita". Apabila kita merasa sedih atau melalui satu episod mencabar dalam hidup, janganlah kita merasa Allah Subhanahu Wata'ala sedang menghukum kita, anggaplah ia sebagai satu rahmat dan peringatan Allah Subhanahu Wata'ala sedang memanggil kita untuk kembali kepadanya dan meminta kepadanya. Firman Allah dalam Surah Ghafir, ayat 60 : "Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbir daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina".

Selain daripada mencari ketenangan daripada membaca Al-Quran dan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala kita juga digalakkan untuk menjaga kesihatan mental dengan menjaga badan kita dengan baik. Tubuh badan kita adalah amanah dari Allah yang dipertanggungjawabkan kepada kita sehingga suatu masa yang ditentukan. Ia adalah sebahagian daripada banyak nikmat yang Allah kurniakan kepada kita dan menjadi kewajipan kita untuk menjaganya dengan baik. Apabila kita menjaga tubuh kita dengan baik ia akan secara langsung memberi kesan kepada kesihatan mental kita. Mengamalkan pemakanan sihat, bersenam, mengamalkan teknik pernafasan, berjalan di luar rumah, tidur yang cukup, dan banyak lagi, semua ini telah terbukti memberi kesan positif terhadap masalah berkaitan dengan kesihatan mental dan emosi seperti kemurungan, keimbangan dan kesedihan berpanjangan. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE PERASMIAN MAJLIS ILMU 2024



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said,
Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin, Ak. Md. Hasnal Ali
Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

BERAKAS, Rabu, 18 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2024 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun, yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama

Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut menjunjung keberangkatan tiba baginda, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pengurus-pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul

Aziz bin Juned, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024.

Ini diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah At-Taubah, ayat 38 hingga 40 yang dibacakan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki, manakala kesimpulan ayat pula dibacakan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Awang Abdul Mu'min bin Haji Awang.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II dalam sembah alu-aluannya antara lain menggariskan tema Majlis Ilmu 2024 'Menangani Gejala Mental' memfokuskan kepada aspek kesihatan mental.

Pemilihan tema ini sembah Yang Berhormat dinilai relevan kerana menurut Buku World Mental Health Report : Transforming Mental Health for All yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO) pada tahun 2022, menyatakan bahawa kesan meluas daripada pandemik COVID-19 yang kita semua mesti renungi, salah satu daripada aspek yang menonjol adalah kesannya yang telah menjaskas kesihatan mental orang ramai.

"Kadar keadaan seperti kemurungan dan keimbangan yang sudah biasa didengar telah meningkat lebih daripada 25 peratus pada tahun pertama

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2024 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda (atas dan kiri).

wabak ini, yang menambahkan lagi kepada bilangan hampir satu bilion orang yang hidup dengan gangguan mental yang sedia ada.

"Tema ini menghuraikan tentang punca, pencegahan dan rawatan gejala mental serta pemulihan pesakit mental termasuk tatacara perubatan bersepadan Islam dan sains yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Pendekatan Senegara (Whole of Nation Approach)," tambah

Yang Berhormat.

Untuk itu, sembah Yang Berhormat lagi, Majlis Ilmu pada tahun ini diharatkannya dapat memberi gambaran sebenar peranan dan kepimpinan bijaksana lagi berdaulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat serta keprihatinan menghadapi dan menangani penyakit mental di negara ini melalui perubatan bersepadan yang menggabungkan intervensi perubatan iaitu rawatan Islam dan sains.

>> Muka 4



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dalam sembah alu-aluannya.



BACAAN Doa Selamat oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas sekali kanan), manakala gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan. Sementara gambar kiri, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Surah At-Taubah, ayat 38 hingga 40 yang dibacakan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 3

Kebawah DYMM seterusnya berkenan mengurniakan titah dan melancarkan dua buah buku iaitu Buku Menyambut Hari Keputeraan Raja dengan Semangat Ilal Hijrah dan Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi : Buku Panduan Doa dan Zikir. Ini diikuti dengan sebuah tayangan video mengenai pelancaran buku-buku tersebut.

Buku Menyambut Hari Keputeraan dengan Semangat Ilal Hijrah ditulis oleh Yang

Berhormat Mufti Kerajaan di mana Yang Berhormat menggabungkan semangat Ilal Hijrah dengan kepimpinan baginda dalam memacu negara menuju transformasi ke arah peradaban yang lebih baik.

Manakala Buku Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi : Buku Panduan dan Zikir adalah satu inisiatif untuk menjaga dan merawat kesihatan mental, sebagai kesinambungan usaha Kerajaan Kebawah DYMM mengenai isu berkaitan masalah kesihatan mental.

Majlis perasmian diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Menangani Gejala Mental' oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan berangkat bagi menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2024, yang antara lainnya bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kehidupan sehari-hari dan memberikan gambaran tentang aspek kesihatan mental dari pelbagai perspektif.

Sebelum berangkat balik,

Kebawah DYMM dijunjung bagi menghadiri Majlis Santap dan sesi bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024.

Majlis Ilmu pada tahun ini akan diteruskan lagi dengan Forum Perdana Majlis Ilmu 2024 pada 19 September 2024 dan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2024 pada 21 September 2024, manakala Pameran Majlis Ilmu 2024 akan dibuka kepada orang ramai mulai 18 September hingga 3 Oktober 2024.

Majlis Ilmu merupakan antara

mercu tanda kepimpinan intelektual dan dinamik Kebawah DYMM sebagai pemimpin Islam yang menitikberatkan kepentingan ilmu dan maklumat yang sangat bermakna dan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk NBD.

Majlis Ilmu 2024 diungkayahkan bersama oleh JPM, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat pada Majlis Ilmu 2024 dan seterusnya menerima pesambahan (atas dan atas kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra pada majlis berkenan (atas dan kanan). Manakala gambar bawah kiri, dua buah buku yang dilancarkan iaitu Buku Menyambut Hari Keputeraan Raja dengan Semangat Ilal Hijrah dan Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi : Buku Panduan Doa dan Zikir.

PAMERAN TUMPUKAN KEPENTINGAN KESIHATAN MENTAL



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2024 di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri), manakala gambar atas, baginda berkenan menandatangani buku.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said,
Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin, Ak. Md. Hasnal Ali
Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

BERAKAS, Rabu, 18 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2024 di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ialah paduka-



paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Pameran bertemakan 'Menangani Gejala Mental' itu, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kehidupan seharian yang mana

pameran tersebut disusun dalam lima zon utama yang memberikan gambaran tentang aspek kesihatan mental dari pelbagai perspektif.

Di Zon 1, pengunjung akan diperkenalkan kepada konsep kesihatan mental melalui perspektif Islam dan sains, memberikan pemahaman aras tentang kepentingan menjaga kesejahteraan mental dari sudut

agama dan saintifik.

Sementara Zon 2, Terowong Kehidupan menayangkan video yang memaparkan gejala mental.

Selain itu, maklumat tambahan, termasuk statistik dan data tentang kesihatan mental, turut dikongsikan, merangkumi pelbagai peringkat kehidupan dari sebelum kelahiran hingga persaraan. 'Click-to-Learn' disediakan sebagai bahan maklumat tambahan

yang menerangkan gejala-gejala mental yang lain.

Zon 3 dan 4 pula, pengunjung akan didedahkan kepada rawatan bersepudu yang disediakan oleh agensi kerajaan dan swasta.

Zon-zon tersebut juga menampilkan aktiviti kesedaran mental serta penerangan tentang akta dan dasar yang berkaitan.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda ketika berangkat pada Pameran Majlis Ilmu 2024 (kiri, atas dan bawah kiri). Manakala gambar bawah kanan, baginda dan paduka-paduka anakanda baginda bergambar ramai bersama Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan Yang Berhormat Mufti Kerajaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan sempadan penerangan.

>> Muka 5

Video mengenai rawatan bersepada turut ditayangkan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang pendekatan menyeluruh dalam menangani isu

mental.

Manakala pada Zon 5, sudut 'Coffee-and-Chat' disediakan untuk pengunjung bertemu dengan pihak-pihak yang menawarkan pembarigaan

maklumat, khidmat nasihat, serta jualan dan pemasaran produk yang berkaitan dengan kesihatan mental.

Di penghujung pameran, pengunjung dialu-alukan

untuk mengisi survey sebagai refleksi dan penilaian terhadap pengalaman di sepanjang pameran.

Pameran tersebut bukan sahaja bertujuan untuk menyampaikan maklumat, tetapi juga untuk menggalakkan pengunjung

mengambil tindakan dalam memperbaiki kesejahteraan mental mereka dan komuniti sekeliling.

Pameran Majlis Ilmu 2024 akan dibukakan kepada orang ramai mulai 18 September hingga 3 Oktober 2024.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai (atas, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



BERANGKAT KE FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2024



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Forum Perdana sempena Majlis Ilmu 2024 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Khamis,

19 September. - Forum

Perdana bertajuk

'Kestabilan Sosioekonomi

dan Impaknya

Terhadap Kesihatan



Whole of Nation, di mana perubatan bersepada

yang menggabungkan

intervensi perubatan

dan rawatan kerohanian

(spiritual) adalah sama-

sama penting dalam memastikan Negara Brunei Darussalam (NBD) mempunyai penduduk yang mempunyai kesihatan mental yang baik dan berdaya tahan.

Forum Perdana sempena Majlis Ilmu 2024 itu berlangsung pagi tadi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Berangkat ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee



Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji

Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Sementara ahli-ahli panel forum terdiri dari Dekan dan Profesor Madya, Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan, KUPU SB, Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril bin Ahmad Ramizi; Ketua Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Fariza Suryani binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; dan Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

>> Muka 8



SUASANA forum berkenaan (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).



BACAAN Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Acara Forum Perdana Majlis Ilmu 2024 dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sejurus itu, majlis diteruskan

dengan sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2024.

Forum dipengerusikan oleh Penolong Ra'es, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kolej



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung bergambar ramai bersama dengan Ahli Jawatankuasa Forum Perdana Majlis Ilmu 2024.

>> Muka 7

Forum Perdana bertajuk 'Kestabilan Sosioekonomi dan Impaknya Terhadap Kesihatan Mental' dikupas sedikit demi sedikit oleh para ahli panel antaranya Profesor Madya Dr. Mohd. Shahril yang menjelaskan, menurut World Health Organization (WHO) kecelaruan mental akan menjadi penyumbang kedua terbesar penyakit berjangkit, justeru NBD menggunakan pendekatan bersepudu dengan mengadakan pelbagai program intervensi antaranya usaha mengimarkan masjid, menganjurkan program munajat senegara serta

menekankan kepentingan institusi kekeluargaan.

Seterusnya Pengiran Dr. Hajah Fariza Suryani mengetengahkan usaha pihak kerajaan serta peranan rakyat di negara ini secara umum boleh melindungi dan menjaga kesihatan mental apabila ketidakstabilan sosioekonomi berlaku dengan mengambil

contoh iktibar dari COVID-19 yang mengajar segala-galanya dari penjagaan kebersihan serta pencegahannya.

Justeru katanya, kesedaran menjaga kesihatan fizikal dan mental untuk meningkatkan ketahanan diri amatlah penting ditambah lagi dengan akses perkhidmatan diberikan oleh

Kementerian Kesihatan seperti adanya Talian Harapan 145, aplikasi BruHealth, serta pengamalan budaya bantu membantu, saling memahami, tolong-menolong dan menyokong antara satu sama lain.

Manakala panel forum, Awang Mohd. Yussof pula mengongsikan mengenai cabaran sosioekonomi



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah (kanan). Manakala gambar kanan sekali, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.

PELIHARA TAHP KESIHATAN MENTAL, DAPATKAN RAWATAN TEPAT

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Khamis, 19 September. - Tema Majlis Ilmu 2024 iaitu 'Menangani Gejala Mental' memberikan tumpuan kepada kesihatan mental yang pada masa ini telah menjadi salah satu isu kesihatan global yang dialami oleh berjuta rakyat di seluruh dunia.

Masalah kesihatan mental yang kian meningkat ini perlu ditangani dengan memelihara tahap kesihatan mental yang baik, mengenal pasti punca gejala-gejala mental, mendapatkan bantuan dan intervensi awal ataupun rawatan yang tepat.

Penerapan perubatan cara Islam menangani isu-isu kesihatan mental juga menjadi fokus utama Majlis Ilmu Tahun 2024 ini.

Perkara itu diketengahkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2024 dalam sembah alu-aluannya pada Forum Perdana Majlis Ilmu 2024 yang berlangsung Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Menurut Yang Berhormat, di Negara Brunei Darussalam (NBD) kesihatan mental dan kesihatan fizikal diberi keutamaan dan perhatian yang sama untuk memastikan kesihatan yang menyeluruh dan holistik, sejirima yang terkandung

dalam definisi daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu 'Kesihatan adalah keadaan fizikal, kesejahteraan mental dan sosial yang lengkap, dan bukan hanya ketiadaan penyakit atau kurang upaya'.

Yang Berhormat menyembah, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, didapati jumlah yang tampil ke hadapan untuk menerima dan bersedia untuk mendapatkan bantuan dan sokongan telah meningkat, di mana jumlah pesakit yang menerima rawatan di Jabatan Psikiatri dan Psikologi pada tahun 2023 - 2024 adalah sebanyak 13,246 orang iaitu peningkatan sebanyak 17 peratus daripada tahun sebelumnya.

"Peningkatan pesakit yang menerima rawatan ini menunjukkan bahawa adanya peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat kita akan kepentingan menjaga kesihatan mental, dan ia juga menunjukkan orang ramai lebih terbuka untuk mendapatkan rawatan yang tepat berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya," sembah Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Pada masa yang sama, penyertaan orang ramai dan khususnya inisiatif-inisiatif dari pelbagai agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan dalam sama-sama menjayakan kempen promosi kesihatan mental yang menekankan pendekatan

Islam dan Sains, sebagai satu pendekatan komplimentari bukan alternatif juga sedikit sebanyak telah memberikan impak yang positif kepada kesedaran orang ramai mengenai kepentingan kesihatan mental dan seterusnya menghakis stigma atau pandangan negatif mengenai isu-isu gejala mental di negara ini.

Justeru itu Yang Berhormat menyembah, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, didapati jumlah yang tampil ke hadapan untuk menerima dan bersedia untuk mendapatkan bantuan dan sokongan telah meningkat, di mana jumlah pesakit yang menerima rawatan di Jabatan Psikiatri dan Psikologi pada tahun 2023 - 2024 adalah sebanyak 13,246 orang iaitu peningkatan sebanyak 17 peratus daripada tahun sebelumnya.

Forum Perdana pada hari ini telah menjemput pakar-pakar dari beberapa institusi tempatan yang relevan untuk membahaskan dan mengupas tajuk forum dengan lebih mendalam dan terperinci, dari kedua-dua perspektif Islam dan sains.

Apa yang diharapkan daripada forum ini juga adalah untuk mengenal pasti peranan penting kestabilan sosioekonomi serta impaknya terhadap kesihatan mental seseorang individu.

Yang Berhormat turut menyatakan sekiranya ketidakstabilan sosioekonomi seperti tekanan kewangan, pengangguran, dan kemiskinan berlaku, ia berpotensi besar untuk memburukkan lagi kesihatan mental seseorang

individu tersebut, dan perkara ini jika dibiarkan boleh membawa kepada kecelaruan mental seperti keresahan, kemurungan, dan tekanan yang lebih serius.

Oleh itu, Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya juga menekankan, adalah penting untuk kita semua untuk memahami dan menyedari kepentingan menjaga kesihatan mental dalam kehidupan sehari-hari dan mengenal pasti gejala-gejala awal penyakit mental.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga dalam sembahnya menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2024 kelmarin, di mana baginda

menyeru kepada ahli keluarga dan anggota masyarakat supaya turut sama-sama bertanggungjawab dan berperanan dalam membantu dan menyokong pesakit dalam proses pemulihan atau penyembuhan.

Perkara ini sembah Yang Berhormat, amatlah penting untuk diambil perhatian mengambil kira ahli keluargalah orang yang pertama dan terdekat yang mampu membantu dan menyokong individu yang mengalami penyakit kecelaruan mental.

Selain itu, forum berkenaan juga akan menekankan

yang semakin berkembang yang setentunya golongan belia juga tidak terlepas untuk berhadapan dengan cabaran tersebut, serta bagaimana ajaran Islam boleh membimbing dalam memupuk daya tahan emosi dan kesejahteraan mental terhadap generasi masa kini yang kian terdedah dengan pengaruh-pengaruh luar, gejala ketagihan gadget, pendedahan berita-berita palsu serta peranan penting tugas dan tanggungjawab sebagai ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

Kesimpulannya di sini menunjukkan semua pihak mempunyai peranan yang sangat penting demi memastikan NBD akan terus menjadi sebuah Negara Zikir dan memastabatkan falsafah Melayu Islam Beraja.

Forum Perdana sempena Majlis Ilmu 2024 ini diungkayahkan bersama oleh Kementerian Kesihatan dan KHEU di bawah Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2024.

Bagi maklumat mengenai acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang akan diadakan sempena Majlis Ilmu 2024, orang ramai boleh mengikuti laman sesawang www.majlisilmu.gov.bn.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan sembah alu-aluannya pada Forum Perdana Majlis Ilmu 2024.

MAJLIS BERTAHLIL SEMPENA SAMBUTAN HARI GURU

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Seramai 500 orang terdiri daripada para pegawai kanan dan pegawai serta guru-guru dari institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama

(KHEU) petang tadi menghadiri Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun 2024 yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun 2024 (atas), manakala gambar atas kiri dan bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkennaan.

Majlis berkennaan adalah khusus buat paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda,

Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, Awang Faizal bin Janip /

Rosli, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Tema bagi Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun 2024 ialah Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan.

Prestasi jualan runcit catat penurunan

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



RETAIL SALES INDEX SECOND QUARTER (Q2) 2024

Year-on-Year Apr-Jun 2024 Apr-Jun 2023		Quarter-on-Quarter Apr-Jun 2024 Jan-Mar 2024	
VALUE CHANGE		VALUE CHANGE	
▼ -6.1%	▼ -6.4%	▼ -19.0%	▼ -23.0%
Furniture and Household Equipment	▼ -19.0%	Furniture and Household Equipment	▼ -23.0%
Electrical Household Appliance and Lighting Equipment in specialized stores	▼ -9.3%	Electrical Household Appliance and Lighting Equipment in specialized stores	▼ -13.9%
Supermarket	▼ -6.9%	Hardware, Paints and Glass in specialized stores	▼ -11.3%
Department Store	▼ -6.0%	Supermarket	▼ -5.7%
		Department Store	▼ -4.5%
VOLUME CHANGE		VOLUME CHANGE	
▼ -5.9%	▼ -8.4%	▼ -17.8%	▼ -23.6%
Furniture and Household Equipment	▼ -17.8%	Furniture and Household Equipment	▼ -23.6%
Mini Mart	▼ -12.6%	Textiles, Wearing Apparel and Footwear	▼ -22.3%
Supermarket	▼ -7.8%	Electrical Household Appliance and Lighting Equipment in specialized stores	▼ -13.7%
Electrical Household Appliance and Lighting Equipment in specialized stores	▼ -7.1%	Department Store	▼ -8.3%
Department Store	▼ -5.0%	Supermarket	▼ -5.4%
VALUE OF SALES: BND 418.9 MILLION			

<https://deps.mofe.gov.bn> info.statistics@jpes.gov.bn [@statistics.jpes](https://www.facebook.com/statistics.jpes)

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Jualan runcit telah mencatatkan penurunan sebanyak 6.1 peratus pada suku tahun kedua (Q2) 2024, berbanding Q2 2023, dengan hasil jualan menurun daripada BND446.1 juta kepada BND418.9 juta.

Dari segi volum jualan, aktiviti jualan runcit juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 5.9 peratus berbanding Q2 2023,

yang menunjukkan penurunan permintaan domestik.

Menurut siaran media Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Penurunan hasil jualan runcit adalah didorong terutamanya oleh penurunan jualan Peralatan Perabot dan Rumah

di kedai khusus sebanyak 9.3 peratus; jualan di Pasar Raya sebanyak 6.9 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 6.0 peratus.

Berbanding dengan suku tahun pertama (Q1) 2024, nilai dan volum jualan runcit Q2 2024 juga telah mencatatkan penurunan.

Nilai jualan runcit telah menurun sebanyak 6.4 peratus didorong terutamanya oleh penurunan jualan

Peralatan Perabot dan Rumah sebanyak 23.0 peratus, diikuti dengan jualan Peralatan Elektrik dan Peralatan Pencahayaan Isi Rumah di kedai khusus sebanyak 13.9 peratus; jualan Perkakasan, Cat dan Kaca di kedai khusus sebanyak 11.3 peratus; jualan di Pasar Raya sebanyak 5.7 peratus; dan jualan di Gedung Serbaneka sebanyak 4.5 peratus.

Bagi prestasi jualan

perkhidmatan makanan dan minuman, ia telah menurun sebanyak 1.0 peratus berbanding Q2 2023, dengan hasil jualan menurun daripada BND111.5 juta kepada BND110.4 juta.

Dari segi volum jualan, aktiviti makanan dan minuman juga mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 1.6 peratus berbanding Q2 2023, yang menunjukkan penurunan permintaan domestik.

Penurunan hasil jualan makanan dan minuman adalah disebabkan oleh penurunan hasil jualan bagi Kedai Makanan Segera sebanyak 3.2 peratus; Aktiviti Lain-Lain Perkhidmatan Makanan sebanyak 3.1 peratus; dan Restoran sebanyak 1.5 peratus.

Berbanding dengan Q1 2024, nilai dan volum jualan perkhidmatan makanan dan minuman pada Q2 2024 telah mencatatkan peningkatan.

Nilai jualan perkhidmatan makanan dan minuman telah meningkat sebanyak 1.3 peratus pada Q2 2024 yang didorong oleh peningkatan hasil jualan bagi Aktiviti Penyajian Minuman sebanyak 6.3 peratus; Kedai Makanan Segera sebanyak 3.1 peratus; dan Restoran sebanyak 1.8 peratus.

Indeks Jualan Runcit dan Indeks Perkhidmatan Makanan dan Minuman adalah petunjuk awal prestasi ekonomi bagi kedua-dua aktiviti dan memberikan gambaran trend perbelanjaan pengguna di Negara Brunei Darussalam bagi setiap suku tahunan.

Laporan penuh bagi kedua-dua aktiviti boleh didapati melalui laman sesawang JPES <https://deps.mofe.gov.bn>.

FOOD & BEVERAGES SERVICES INDEX

SECOND QUARTER (Q2) 2024

Year-on-Year
Apr-Jun 2024 | Apr-Jun 2023

▼ -1.0%

VALUE CHANGE

▲ 1.3%

Fast-food Outlets	▼ -3.2%	Beverage Serving Activities	▲ 6.3%
Other Food Service Activities	▼ -3.1%	Fast-food Outlets	▲ 3.1%
Restaurants	▼ -1.5%	Restaurants	▲ 1.8%

▼ -1.6% VOLUME CHANGE ▲ 1.1%

Fast-food Outlets	▼ -3.7%	Beverage Serving Activities	▲ 6.0%
Other Food Service Activities	▼ -3.7%	Fast-food Outlets	▲ 2.8%
Restaurants	▼ -2.1%	Restaurants	▲ 1.5%

VALUE OF SALES: BND 110.4 MILLION

<https://deps.mofe.gov.bn> info.statistics@jpes.gov.bn [@statistics.jpes](https://www.facebook.com/statistics.jpes)

Komited memperkuuh agenda integrasi ekonomi ASEAN

>> Muka 1

Acara kemuncak mesyuarat adalah penandatanganan Protokol Kelima untuk Pindaan Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) yang diadakan di luar Mesyuarat AEM Ke-56 dan Mesyuarat Berkaitan.

ACIA yang dinaik taraf menyediakan lebih ketulusan dan kepastian kepada pelabur mengenai rejim pelaburan di ASEAN yang boleh menarik lebih banyak pelabur ke rantaui ini, seperti, pengembangan skop ACIA melangkau sektor pelaburan tradisional iaitu pembuatan, pertanian, perikanan, perhutanan, perlombongan dan kuari serta perkhidmatan sampingan mereka.

Semasa Mesyuarat AEM Ke-56 - Mesyuarat Majlis AFTA Ke-38, para Menteri mengalukan kemajuan positif yang dibuat di bawah pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA), khususnya mengenai pelaksanaan penuh pengeluaran dan penerimaan Sijil Asal elektronik (e-Form D).

Mesyuarat juga mengambil maklum kemajuan yang baik dalam Rundingan Peningkatan ATIGA, dengan harapan dapat menyelesaikan rundingan menjelang suku pertama 2025. Dalam hal ini, mesyuarat mengulangi komitmen ASEAN untuk memastikan bahawa ATIGA yang dinaik taraf akan menjadi moden, komprehensif, berpandangan jauh, dan lebih responsif terhadap perkembangan serantau dan global.

Menyedari pentingnya bergerak ke arah kawasan yang mampan, para Menteri dalam Mesyuarat AEM Ke-56 - Mesyuarat Majlis AIA mengalukan kemajuan baik



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir ke Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-56 (56th AEM) dan Mesyuarat Berkaitan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

dalam Garis Panduan Pelaburan Mampan ASEAN (ASIG) yang disasarkan untuk diselesaikan pada tahun 2024.

Para Menteri juga membincangkan Laporan Pelaburan ASEAN 2024 yang membentangkan penilaian lanjut mengulangi komitmen ASEAN untuk memastikan bahawa ATIGA yang dinaik taraf akan menjadi moden, komprehensif, berpandangan jauh, dan lebih responsif terhadap perkembangan serantau dan global.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN juga membincangkan Kertas Dasar mengenai Cukai Minimum Global dan implikasinya terhadap insentif dan promosi pelaburan di rantau ini.

Mesyuarat AEM Ke-56 mengulangi usaha ASEAN yang

tidak berbelah bagi untuk lebih mendalamkan agenda integrasi ekonomi meskipun menghadapi cabaran ekonomi global.

Ekonomi ASEAN berkembang pada 4.1 peratus pada tahun 2023 dan dijangka mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 4.6 peratus dan 4.7 peratus masing-masing pada tahun 2024 dan 2025.

Selain itu, para Menteri juga membincangkan beberapa inisiatif kelestarian ASEAN seperti Strategi ASEAN untuk Neutraliti Karbon, 'Framework for Circular Economy', dan Rangka Kerja Ekonomi Biru ASEAN dalam usaha mencapai kawasan yang tahan lasak dan mampan.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew dalam intervensi menegaskan bahawa persekitaran yang mampan telah dan akan terus menjadi sebahagian penting daripada aspirasi dasar Negara Brunei Darussalam (NBD), mengiktiraf peranan penting inisiatif kelestarian dalam mencapai pertumbuhan ekonomi yang tahan lasak dan dinamik.

Selain itu, beliau mengakui kemajuan baik yang telah dicapai setakat ini seperti Rundingan Peningkatan ATIGA yang mengambil kira elemen ekonomi bulatan dan penubuhan Pasukan Petugas ASEAN mengenai Neutraliti Karbon.

Dalam persediaan untuk

Mesyuarat AEM Ke-56 dan Mesyuarat Berkaitan, Pegawai-pegawai Ekonomi Kanan ASEAN telah membincangkan secara mendalam mengenai kemajuan Penyampaian Ekonomi Utama di bawah pengurusian Lao PDR pada tahun 2024 dan Keutamaan Tahunan yang berada di bawah bidang kuasa AEM, serta kerjasama ekonomi yang berterusan dalam ASEAN dan dengan rakan luar.

Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, turut menghadiri mesyuarat sebagai Pegawai Ekonomi Kanan bagi NBD.

KSSUP ANJUR MAJLIS SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi (kiri), manakala gambar kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

BERAKAS, Khamis, 19 September.
- Kementerian Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya

mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446

Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP. Hadir selaku tetamu kehormat

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiayati binti Haji Abdul Wahab; serta Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan kakitangan KSSUP juga jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, disusuli Ceramah Khas yang bertajuk 'Indahnya Akhlak Rasulullah Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis diakhiri dengan persembahan Dikir Marhaban oleh kumpulan Dhiyaul Iman.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan yang bertujuan untuk memperingati dan menyemarakkan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

TELADANI SUNNAH RASULULLAH DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin
Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya anjuran Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 6, KHEDN, di sini.

Majlis yang bertemakan 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' berkenaan telah dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat.

Atur cara diisikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Cinta



Rasulullah Tiada Penghujungnya' disampaikan oleh Awang Mohammad Nasyith bin Superi dari Pusat Da'wah Islamiah, yang antara lain menjelaskan mengenai keagungan akhlak Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, cinta dan kasih sayang Baginda kepada

umatnya, serta kepentingan meneladani sunnah Baginda dalam kehidupan seharian.

Acara diteruskan lagi dengan Dikir Marhaban daripada Pasukan Dikir Jabatan Bomba dan Penyelamat, diikuti dengan penyampaian cenderahati yang disampaikan

oleh tetamu kehormat kepada Penceramah Undangan bagi majlis tersebut.

Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK), Setiausaha-setiausaha Tetap,

Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan, pegawai dan kakitangan daripada KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (atas dan kanan).



CERAMAH Khas disampaikan oleh Awang Mohammad Nasyith bin Superi dari Pusat Da'wah Islamiah.

Kementerian Pendidikan adakan Majlis Sambutan Maulud Nabi

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Kementerian Pendidikan petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi berlangsung di Dewan Utama, Bangunan Baharu Kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud, diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk 'Kecintaan Para Sahabat Kepada Rasulullah : Antara Bukti Kecerdasan Emosi Rasulullah dalam Pendidikan' yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-

Tugas Khas Tingkat II, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhd. Yussof bin Haji Abdul Majid.

Awang Muhd. Yussof dalam ceramah khasnya mengongsikan tiga perkara iaitu pertama, terkait apa yang dinyatakan oleh para cendekiawan tentang kebijakan dan kecerdikan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terutamanya dalam menata dan mengurus masyarakat.

Kedua menurutnya, adalah gambaran bagaimana kecintaan para sahabat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai bukti kecerdasan. Ketiga jelasnya, bagaimana kecerdasan emosi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kecemerlangan Baginda dalam mendidik.

"Kita melihat bagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda merupakan figure yang luar biasa. Baginda bukan sekadar mengajar tetapi mendidik, bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi mengubah suatu paradigma di dalam masyarakat," ujarnya.

Majlis kemudian diakhiri dengan Dikir Marhaban yang diketuai oleh Awang Shaifulbahri bin Haji Ahmad dari Kampus Perdagangan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kementerian Pendidikan.

Majlis ini merupakan salah satu acara Hari-hari Kebesaran Islam



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut. Sementara gambar atas kiri, Ceramah Khas disampaikan oleh Awang Muhd. Yussof bin Haji Abdul Majid.

yang diraikan oleh Kementerian Pendidikan pada setiap tahun bagi merafakkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meningkatkan lagi rasa kecintaan kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pada tahun ini, majlis sambutan membawa tema 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam'. Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Rektor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Kementerian Pendidikan bagi tahun ini dikendalikan bersama oleh IBTE dan Jabatan Pengurusan Pendidikan.



BERAKAS, Khamis, 19 September. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya tidak ketinggalan mengajurkan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

Majlis berkenaan yang dikelolakan oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) diadakan di Dewan Amar Pahlawan, MTIC.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal

MENJAGA AKAL, MENERIMA SETIAP UJIAN ALLAH BERIKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman

Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Saufi bin Haji Suhaini.

Majlis diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Penolong Ra'es, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk bersama Pembantu Kanan Perkembangan Ugama,

Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Syamim Farhan bin Haji Sufri, selaku Moderator.

Dalam ceramahnya, Dr. Haji

Mohammad Sharol Azmi antara lain menjelaskan bahawa manusia diciptakan di muka bumi ini tidak lari daripada ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan Allah juga menjadikan setiap makhluk untuk mampu berfikir dan menilai.

Untuk itu jelasnya, apa juu ujian yang kita hadapi perlu menerima dengan sabar sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala mendidik Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sifat sabar apabila diuji dengan pelbagai ujian.

"Ujian adalah Tarbiyah Allah kepada hamba-Nya untuk lebih dekat kepada-Nya.

"Setiap kali Allah Subhanahu Wata'ala uji kita hingga kita tertunduk, maka saat itulah di mana Allah akan mengabulkan doa-doा kita," ujarnya lagi.

Beliau juga turut menekankan untuk kita menjaga akal dengan menerima setiap ujian yang Allah berikan.

Majlis kemudian dimeriahkan dengan persembahan Dikir Marhaban daripada Kumpulan Dikir MTIC sebelum diakhiri dengan penyampaian cenderamata oleh tetamu kehormat majlis kepada penceramah undangan dan moderator.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pemangku



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi (atas), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Dayang Mazriyani binti Haji Abdul Ghani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Awang Ridzuan bin Haji Ahmad; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis adalah antara aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh pihak kementerian dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya untuk memeriahkan lagi sambutan acara-acara keagamaan.



Rasulullah suri teladan baik seluruh umat

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Azmah Haji Ahad



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Ugama di Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Kecintaan umat Islam terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sering dizahirkan melalui aktiviti-aktiviti keagamaan yang dianjurkan terutama bila menjelangnya bulan Rabiulawal, bulan kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya diadakan di Dewan Digadong, kementerian berkenaan, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Muzium-Muzium

itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran (Surah Al-Ahzab, ayat 21 - 24) oleh johan qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445H / 2024 Masihi, Awang Qawiyyel Azeez bin Haji Abdul Rajid, dan seterusnya inti sari bagi surah tersebut dibacakan oleh Pegawai Perpustakaan di Jabatan Muzium-Muzium, Awang Muhammad Amirul Izzuddin bin Awang Samhiri.

Acara kemudian diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Cinta Rasulullah Tiada Penghujungnya' yang disampaikan oleh penceramah undangan iaitu Pegawai Ugama di Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Dalam ceramahnya menyatakan, pada zaman yang serba moden ini umat Islam menjadi terlalu jauh dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

"Mungkin disebabkan zaman



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya.

yang terlalu jauh memisahkan antara kita dengan Baginda.

"Kebanyakan umat Islam hari ini menjadikan golongan artis sebagai idola yang mana justeru pelbagai sikap dan akhlak mulia telah berganti dengan sikap materialistik dan gaya hidup hedonisme," katanya.

Menurut isi ceramah Awang Nasyith, umat Islam mesti kembali menjadikan Rasulullah sebagai ikutannya kerana dengan begitu, mereka akan dapat menjadi sebuah bangsa yang berjaya di dunia dan akhirat.

Tambahnya lagi, Baginda tidak diutus ke muka bumi ini melainkan untuk menjadi suri teladan yang baik kepada seluruh manusia.

Majlis diakhiri dengan Dikir

Marhaban, Selawat Tafrijiyah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Dengan adanya majlis seumpamanya, ia diharap akan dapat memberi pengetahuan kepada umat Islam akan kelebihan selawat dan mengamalkannya



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

PERKUKUH PERTAHANAN SIBER NEGARA, LINDUNGI INFRASTRUKTUR KRITIKAL



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Cyber Security Brunei

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan siber menyatakan perkara tersebut dalam ucaptamanya pada Persidangan Keselamatan Siber Brunei Ke-2 (CySec 2024) yang berlangsung di The Empire Brunei, di sini.

"Kami mengambil langkah proaktif untuk melindungi CII, membina infrastruktur yang tahan lasak, dan meningkatkan pemantauan secara *real-time* untuk mengesan dan meneutralkan ancaman siber sebelum ia mendatangkan bahaya. Cyber Security Brunei (CSB) memainkan peranan penting dalam menyatakan kerajaan, industri, dan masyarakat ke arah masa depan digital yang selamat. Pejabat CII yang baru ditubuhkan adalah pusat kepada pelaksanaan strategi

perlindungan ini," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, Akta Keselamatan Siber meletakkan asas undang-undang, sementara Kod Amalan Keselamatan Siber untuk CII menetapkan garis asas yang jelas untuk melindungi sistem-sistem kritis.

Dengan mengamalkan amalan terbaik global tambah Yang Berhormat, pihaknya ingin memastikan sistem berkenaan tahan lasak dan mampu pulih dengan cepat daripada gangguan. Garis Panduan untuk Audit dan Penilaian Risiko memastikan pemilik CII menjalankan aktiviti penilaian risiko secara berkala yang direka untuk mengukur keberkesanannya dan amalan risiko siber dalam organisasi mereka.

"Pengurusan risiko secara sistematis adalah inti kepada strategi keselamatan siber

negara. Akta tersebut memerlukan pemilik CII untuk menjalankan penilaian risiko yang ketat, secara berterusan mengenal pasti dan menangani kelemahan dalam sistem kritis mereka sendiri. Pendekatan ini memastikan bahawa infrastruktur negara, yang penting untuk ekonomi digital kita, tetap kukuh dan menjadi asas yang stabil untuk pertumbuhan dan inovasi yang berterusan," ujar Yang Berhormat lagi.

Terdahulu Yang Berhormat menyatakan, pada tahun 2023, Asia Tenggara mengalami gelombang serangan siber yang belum pernah berlaku sebelum ini yang menyasarkan sektor kritis seperti penjagaan kesihatan, kerajaan, dan institusi kewangan, mengganggu perkhidmatan dan menggoncang infrastruktur digital.

Serangan ransomware yang diselaraskan melumpuhkan pusat data kerajaan, sementara skim pancingan data menyasarkan sistem perbankan, mendedahkan

kelemahan yang merosakkan kepercayaan awam.

Untuk menangani ancaman siber tambah Yang Berhormat, tumpuan kita mestilah pada memperkuuh pertahanan siber negara, melindungi infrastruktur kritis, dan bekerjasama di peringkat antarabangsa untuk mencegah musuh yang canggih.

Sebaliknya, pencegahan jenayah siber tambah Yang Berhormat memerlukan pendekatan proaktif, termasuk kempen kesedaran, kemampuan penguatkuasaan undang-undang, dan memanfaatkan teknologi terkini seperti Kecerdasan Buatan (AI) dan pembelajaran mesin untuk mengesan dan mencegah aktiviti penipuan.

"Kedua-dua isu ini memerlukan perhatian dan tumpuan segera, tetapi masing-masing dengan strategi yang berbeza - memastikan Brunei tetap selamat dari ancaman siber yang tinggi sambil melindungi kehidupan digital harian masyarakatnya," terang Yang Berhormat.

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam ucaptamanya pada Persidangan Keselamatan Siber Brunei Ke-2 (CySec 2024).

>> Muka 1

Walau bagaimanapun, undang-undang sahaja tidak mencukupi, malah kita juga memerlukan kerjasama yang kukuh antara sektor untuk membina ekosistem digital yang benar-benar tahan lasak.

CySec 2024 : Teroka penyelesaian inovatif, tangani ancaman digital

JERUDONG, Rabu, 18 September. - Persidangan Keselamatan Siber Brunei Ke-2 (CySec 2024) yang diadakan selama dua hari mengumpulkan pakar keselamatan siber tempatan dan antarabangsa untuk menangani ancaman tekanan digital dan meneroka penyelesaian inovatif.

Dianjurkan bersama oleh Brunei Cyber Security Association (BCSA) dan Cyber Security Brunei (CSB), perasmian persidangan yang diadakan di The Empire Brunei ini disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, selaku Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan siber.

CySec 2024 menampilkan agenda yang komprehensif yang memberi tumpuan kepada kewaspadaan siber dan kedaulatan data, penyampaian ucaptama, bengkel, dan pameran yang memperkenalkan teknologi keselamatan siber terkini.

Pempamer utama termasuk penyedia keselamatan siber terkemuka seperti Recorded Future, Tenable, Keysight, Nexagate, Swarmnetics, KnowBe4, Fortinet dan Deloitte.

CySec 2024 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan keselamatan siber dalam landskap digital dan untuk mempertingkatkan pemahaman serta pelaksanaan langkah-langkah keselamatan siber yang berkesan dalam kalangan organisasi tempatan.

Pesuruhjaya Interim, CSB, Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis dalam ucapannya pada majlis tersebut antara lain berkata, lebih satu tahun selepas Akta Keselamatan Siber digubal, CSB telah mewujudkan

Kod Amalan Keselamatan Siber (COP) dan piawaian prestasi untuk dilaksanakan oleh pemilik infrastruktur maklumat kritis.

Selain itu jelasnya, ia juga aktif dalam mengeluarkan dokumen tambahan seperti Garis Panduan untuk Mengaudit dan Melaksanakan Penilaian Risiko Keselamatan Siber untuk CII dan Garis Panduan kepada Pemodelan Ancaman Siber untuk CII.

Menurutnya, Akta Keselamatan Siber bukan sahaja mengenai mengambil langkah untuk mencegah, mengurus dan bertindak balas terhadap ancaman dan insiden keselamatan siber dan pengenalan dan penetapan CII atau peraturan CII dan pemilik CII, malah juga mempunyai fungsi lain.

"Di samping pembangunan dan promosi industri perkhidmatan keselamatan siber di Negara Brunei Darussalam sebagai mana yang diamanahkan, kami juga perlu mewujudkan piawaian di NBD berhubung dengan produk atau perkhidmatan keselamatan siber dan tahap keselamatan siber yang disyorkan bagi kedua-dua perkakasan dan perisian soV, termasuk perakuan atau akreditasi," tambahnya.

Turut diadakan ialah Cyber Battle : Capture The Flag, satu pertandingan keselamatan siber oleh IT Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS), di mana pasukan penggodam menguji kemahiran mereka dalam persekitaran siber yang disimulasikan.

Majlis juga menyaksikan penandatanganan beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) iaitu antara ITPSS dan Group-IB Global Pte Ltd mengenai kerjasama keselamatan siber;



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Keselamatan Siber Brunei Ke-2 (CySec 2024).

MoU antara ITPSS dan Nexagate Sdn. Bhd. mengenai tadbir urus keselamatan siber, pengurusan risiko, dan perkhidmatan pematuhan; MoU antara ITPSS dengan CyberSecurity Malaysia (CSM) mengenai kerjasama keselamatan siber.

Juga disaksikan ialah MoU antara BCSA dan CyberSecurity Malaysia (CSM) mengenai Sijil Global ACE Cawangan Brunei; dan MoU antara BCSA dan Synergy Skills Sdn. Bhd. mengenai pembangunan profesional dan pensijilan untuk pengamal keselamatan siber.

Manakala Perjanjian Kerjasama antara Progresif Sdn. Bhd. dan ST Engineering Info-Security Pte Ltd adalah mengenai penubuhan dan pengoperasian penyelesaian keselamatan siber, khususnya melalui penyediaan Pusat Operasi Keselamatan.

Susulan kerjasama antara CSB dan Trend Micro serta sebagai sebahagian daripada projek tanggungjawab sosial korporatnya, Trend Micro telah menyampaikan 10,000 lesen antivirus untuk diedarkan kepada pelajar dan 5,000 lesen kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan jumlah nilai USD300,000.

Hadir bagi menerima lesen antivirus bagi pihak pelajar ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, manakala Presiden BCSA, Mohamad Azad Zaki Haji Mohd. Tahir, menerima bagi pihak PKS.

Majlis turut menyaksikan penyampaian hadiah bagi Pertandingan Cyber Battle 2024 yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang), Jabatan Perdana Menteri,

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Sebanyak 10 pasukan penggodam berjaya menyelesaikan cabaran keselamatan siber mereka dalam pertandingan selama lapan jam yang merangsang senario IT dunia sebenar.

Sementara itu, BCSA juga mengiktiraf pemenang Anugerah 'Top Women in Security ASEAN Region' dengan penyampaian hadiah penghargaan.

Dr. Rosyzie Anna Haji Mohd Apong, seorang Pensyarah di Universiti Brunei Darussalam, telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Pengajar dan Latihan Keselamatan 2024, di samping Anugerah Negara 2024 bagi Brunei. Sementara itu, Jasmine Wong juga diiktiraf sebagai pemenang Anugerah Negara 2023 bagi Brunei.

Didik belia isikan masa dengan aktiviti bermanfaat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi (atas). Manakala gambar atas kanan, Tazkirah Subuh disampaikan oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak. Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

MERAGANG, Jumaat, 20 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengungkayahkan Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan bertempat

di Masjid Az-Zakireen, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang.

Seramai lebih 400 jemaah terdiri daripada pegawai dan kakitangan KKBS dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU); ahli jawatankuasa takmir masjid; pegawai-pegawai kerajaan; persatuan dan pergerakan belia; belia-belia masjid serta penduduk kampung telah menyertai acara ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Program dimulakan dengan menuaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diimamkan

oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam Masjid Az-Zakireen RPN Meragang, Awang Haji Nurhidayatullah bin Haji Zulkiflee.

Seterusnya diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Belia Siaga Masa Depan' disampaikan oleh Pemangku Pendaftar Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak.

Program diselajurkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi beramai-ramai dipimpin oleh Belia Masjid Az-Zakireen RPN Meragang, Awang Muhammad Izzat Nashruddin bin Mohammad Kamaruddin dan diakhiri dengan Doa Allah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Imam Masjid Az-Zakireen RPN Merangang.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dihasratkan dapat mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat yang membawa belia-belia mendukung gagasan Negara Zikir.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

MENGUKUHKAN PERANCANGAN, KEMAMPAAN SEKTOR PELABUHAN, MARITIM RANTAU ASEAN

Siaran Akbar : Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Sebagai komponen Mesyuarat Kumpulan Kerja Pengangkutan Maritim ASEAN Ke-47 (47th ASEAN Maritime Transport Working Group MTWG), Jabatan Pengangkutan Amerika Syarikat (AS) di bawah Kerjasama Dialog Pengangkutan AS-ASEAN mengadakan Bengkel ASEAN-AS : Membangunkan Pelabuhan Lestari melalui Dasar, Perancangan, Perkongsian dan Inovasi dari 19 hingga 20 September 2024 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Objektif bengkel berkenaan adalah untuk mengukuhkan perancangan dan pendekatan dasar, strategi, dan inovasi peserta serta memberi peluang untuk membincangkan dan mengenal pasti matlamat bersama dalam memajukan kemampuan sektor pelabuhan dan maritim di seluruh rantau ASEAN khususnya untuk pengurangan karbon.

Hadir bagi merasmikan bengkel berkenaan, Penolong Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei

Darussalam (MPABD), Dayang Salmaya Rahayu binti Salleh, selaku Pengurus Kumpulan Kerja Pengangkutan Maritim ASEAN (MTWG); dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak AS ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland.

Dalam ucapan pembukaannya, Dayang Salmaya Rahayu menekankan peranan penting pengangkutan maritim dalam perdagangan global dan walaupun ia adalah kaedah pengangkutan yang paling cekap dan mampan, ia juga bertanggungjawab untuk kira-kira tiga peratus daripada pelepasan global.

Tambahnya, tanpa tindakan tegas, pelepasan berkenaan dijangka meningkat sebanyak 130 peratus menjelang 2050.

"Walau bagaimanapun, pelabuhan mempunyai potensi untuk meneraju jalan ke arah masa depan yang lebih mampan dengan memberi tumpuan kepada kelestarian alam sekitar, sosial, tadbir urus dan ekonomi," ujarnya.

Sementara itu, PYT Caryn R. McClelland pula menekankan

bahawa usaha pengurangan karbon melangkaui sekadar mengurangkan pelepasan, dengan menekankan keperluan untuk menggabungkan pertimbangan alam sekitar, sosial, tadbir urus dan ekonomi dalam operasi dan pembangunan.

Menurut PYT lagi, ketika negara-negara di seluruh rantau terus membangunkan sektor maritim mereka, PYT menggesa ASEAN untuk mengambil peluang menerima pakai amalan mampan sekarang.

PYT juga turut mengiktiraf peranan penting NBD dan komuniti ASEAN yang lebih luas dalam perbincangan berkenaan.

Melalui kerjasama, PYT percaya ASEAN dan AS boleh menangani cabaran yang semakin meningkat yang ditimbulkan oleh perubahan iklim, sambil memastikan pelabuhan kekal berdaya tahan, berdaya saing dan bersedia untuk masa hadapan.

PYT seterusnya menegaskan bahawa AS komited untuk menyokong usaha-usaha berkenaan.

Bengkel berkenaan dihadiri oleh delegasi dari Sekretariat ASEAN, Negara Anggota ASEAN dan Timor-Leste.



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABA

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

[bruneiweather](#) [@brunei.weather](#) [Weather Line 114](#) [www.met.gov.bn](#)

Cuti Khas sempena Hari Guru 23 September

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita ingin memaklumkan bahawa Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2024 akan diadakan pada Khamis, 29 Rabiuulawal 1446 Hijrah bersamaan 3 Oktober 2024 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dalam hubungan ini, Cuti Khas sempena Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34, adalah diberikan kepada sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam termasuk institusi-institusi pengajaran tinggi di bawah kawalan Kementerian Pendidikan dan KHEU pada Isnin, 29 Rabiuulawal 1446H bersamaan 23 September 2024M.

AL-QURAN UBAT PENYAKIT HATI



>> Muka 1

Perkara tersebut ditegaskan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Menangani Gejala Mental' pada Majlis Ilmu 2024 bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

"Salah satu kaedah untuk menangani gejala mental atau penyakit hati itu, ialah Al-Quran. Al-Quran sangat mustahak untuk dirujuk kerana bukankah penyakit mental pangkalnya di hati iaitu hati yang tidak tenang dan resah gelisah, itulah gejala mental," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah bahawa kita tidak menolak sebarang rawatan yang ada yang berupa terapi-terapi dan ubat-ubatan yang dicipta, tetapi kita juga perlu tahu bahawa penyakit mental pangkalannya ialah di hati iaitu penentu utama kesihatan mental.

Hubungan Al-Quran dengan penyakit hati ini sangat dekat kerana Al-Quranlah yang memberitahu bahawa jika hati berombak, tidak tenang atau mengalami masalah mental, maka berubatlah dengan zikir, di mana kepala zikir ialah Al-Quran. Hati yang bergelora sakit manakala diubat dengan zikrullah

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidhi, Mohd. Sahrizal Haji Said,
Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin, Ak. Md. Hasnal Ali
Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

lalu ia pun tenang, maka itulah kesembuhan.

Demi keyakinan terhadap Al-Quran, Yang Berhormat menyarankan kita berawat dengan Al-Quran dan mengambil sukut baik majlis yang berkat ini, turut menyarankan supaya gejala mental turut ditangani merawatnya dengan ayat-ayat suci Al-Quran.

Merawat dengan ayat-ayat suci Al-Quran, tegas Yang Berhormat adalah satu jenis rawatan yang tidak diragukan lagi dan sangat mustahak untuk diperkenalkan di pusat-pusat kesihatan atau hospital dan di klinik-klinik sebagai rawatan bersepakad dengan rawatan yang sedia ada.

Yang Berhormat juga menasihati bahawa dengan adanya rawatan menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran itu untuk mengubat pelbagai kategori penyakit mental.

nilai dari cuma satu rawatan kepada dua jenis rawatan iaitu : Rawatan Bumi (psikiatri dan psikologi) dan Rawatan Langit (rawatan ketuhanan daripada ayat-ayat suci Al-Quran).

Jika ini terlaksana, tegasnya lagi maka insyaAllah kitalah satu-satunya negara di dunia yang akan mempunyai rawatan bersepakad : Psikiatri / psikologi dicampur dengan rawatan ketuhanan daripada Al-Quran.

Dalam menuju ke arah pelaksanaannya, kita boleh kerah tenaga bersepakad di antara kementerian berkenaan dan pihak-pihak ugama dengan berbincang bersama-sama bagaimana cara melaksanakan rawatan menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran itu untuk mengubat pelbagai kategori penyakit mental.



YANG Berhormat Mufti Kerajaan ketika menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Menangani Gejala Mental' pada Majlis Ilmu 2024.

"Rasa-rasanya, jika kita serius, dengan izin Allah, hasilnya pasti menjadi kenyataan," tegas Yang Berhormat mengakhiri ceramahnya.

Pejabat Peguam Negara semarakkan Maulidur Rasul

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Pejabat Peguam Negara mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Jubli Emas, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Turut hadir Peguamcara Negara, Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi serta pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Penasihat Undang-Undang di Pejabat Peguam Negara, Awang Mohammad Nazmi Azwan bin Awang, dan diikuti

Siaran Akbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara



ANTARA persembahan pada majlis tersebut.

dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qari jemputan iaitu Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri, pemenang tempat ketiga dalam Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun

1446H / 2024M. Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas sempena tema 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Umma, Pusat Da'wah Islamiah,

Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Majlis disempurnakan lagi dengan Persembahan Tausyeh daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara yang dipimpin oleh Penasihat Undang-Undang,

Pejabat Peguam Negara, Awang Haji Shufi bin Haji Ibrahim.

Sambutan ini merupakan salah satu acara keagamaan bagi meraikan Hari-hari Kebesaran Islam yang diadakan setiap tahun anjuran Jawatankuasa Acara Keugamaan Pejabat Peguam Negara.



YANG Berhormat Peguam Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

سورو هنجای قر خدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan tertutur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pingesan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**



3FISHIES JUARA CYBER BATTLE : CTF



YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah ITPSS Sdn. Bhd. hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang berlangsung di The Empire Brunei.

■ Siaran Akbar dan Foto : IT Protective Security Services Sdn. Bhd.

JERUDONG, Rabu, 18 September.

- Pasukan 3Fishes muncul juara pada pertandingan tahunan Cyber Battle : Capture The Flag (CTF) anjuran syarikat keselamatan siber tempatan, IT Protective Security

Services Sdn. Bhd. (ITPSS) dengan markah akhir 2,125 mata dan membawa pulang wang sebanyak BND3,500.

Sementara itu, tempat kedua disandang oleh Pasukan Last Place

dengan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND2,500 dan Pasukan A2F1 berada tempat ketiga dengan hadiah wang tunai BND1,500.

Hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang berlangsung di The Empire Brunei

ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah ITPSS Sdn. Bhd.

Pasukan 3Fishes juga telah

dianugerahkan hadiah bonus bernilai BND250 atas kejayaan mereka menjadi pasukan pertama melengkapkan Miscellaneous Category.

Sebanyak 35 pasukan terdiri daripada pelajar, profesional IT dan peminat keselamatan siber, ikut serta bertanding dalam acara tahun ini. Berikutnya pusingan kelayakan diadakan secara dalam talian awal bulan ini, sebanyak 10 pasukan terbaik mara ke pusingan akhir, hari ini.

Pertandingan CTF ialah cara yang paling menarik dan menyeronokkan untuk mengasah kemahiran keselamatan siber, memupuk kerja berpasukan dan meneroka pelbagai disiplin termasuk forensik digital, kriptografi dan analisis paket.

Cabar, yang dibentangkan dalam format gaya Jeopardy, mensimulasikan senario IT dunia sebenar pada pelbagai tahap kesukaran. Acara dua hari ini menampilkan pameran, bengkel dan persidangan dengan pakar keselamatan siber terkenal dari rantau ini.

Memperkuuh keupayaan pemimpin masyarakat

ANTARA peserta Program Pemimpin Masyarakat Kali Ke-3 yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (kanan dan bawah).



BERAKAS, Khamis, 19 September. - Program Pemimpin Masyarakat Kali Ke-3 yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri diadakan bermula 19 hingga 21 September 2024 bertempat di Dewan Teater Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Seramai 44 peserta mengikuti Program Pemimpin Masyarakat Kali Ke-3 ini yang terdiri daripada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung DBM selaku Pemimpin Masyarakat atau Pemimpin Akar Umbi di negara ini.

Turut hadir selaku peserta program ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji

Lamat selaku Ketua Kampung Subok; Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed selaku Ketua Kampung Putat; dan Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong selaku Ketua Kampung Lumapas 'B' serta para pegawai dan kakitangan dari agensi-agensi yang berkepentingan dalam pengurusan bencana.

Program Pemimpin Masyarakat

ini bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan (kapasiti) Pemimpin Masyarakat dalam kalangan Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung dalam Pengurangan Risiko Bencana ke arah membina masyarakat yang berdaya tahan bencana.

Pada hari pertama program, para peserta mengikuti Bengkel Pertukaran Ilmu yang mana para peserta berpeluang mendengar taklimat mengenai fungsi dan peranan agensi-agensi berkepentingan dalam pengurusan bencana yang terdiri dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, JDBM, Pejabat Perubahan Iklim Brunei Darussalam, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Aktiviti dan pembentangan berkumpulan juga turut diadakan sebagai platform dinamik untuk pembelajaran dan perkongsian ilmu yang memberi peluang kepada peserta program untuk

■ Siaran Akbar dan Foto : Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

membina dan mengembangkan kalangan para peserta dan hubungan kerjasama dalam fasilitator program.



BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGLAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

[bruneiweather](#) [@brunei.weather](#) [Weather Line 114](#) [www.met.gov.bn](#)

Lebih 60 pelajar berlepas meninggalkan NBD untuk lanjutkan pengajian

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat baylor kepada pelajar-pelajar berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Seramai 62 orang pelajar berlepas ke Republik Arab Mesir dan seorang ke Malaysia petang tadi bagi mengikuti pengajian di Universiti Al-Azhar, Maahad Qiraat Shoubra dan Malaysia dalam bidang masing-masing.

Antaranya, seorang pelajar di bawah Skim Biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan 16 pelajar di bawah Skim Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI).

Hadir di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat baylor kepada pelajar-pelajar berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir ialah Pengarah

Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Majlis dimulakan dengan Solat Sunat Hajat dan Solat Fardu Asar Berjemaah di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang diimamkan oleh Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang.

Sebelum berlepas, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Awangku Mohd. Idris Fadhee bin Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim.

Turut hadir penolong-penolong pengarah dan pegawai-pegawai dari JPI serta ahli keluarga pelajar-pelajar berkenaan.

FESTIVAL FILEM JEPUN TAYANGKAN 6 FILEM SECARA PERCUMA

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Jumaat, 20 September. - Dalam meraikan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik Ke-40 antara Jepun dan Negara Brunei Darussalam (NBD), Kedutaan Besar Jepun di NBD dengan kerjasama Yayasan Jepun petang tadi menganjurkan Festival Filem Jepun 2024 (Japanese Film Festival 2024) di Times Cineplex, di sini.

Festival Filem Jepun 2024 berkenaan akan diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga Ahad, 22 September 2024 dengan enam buah tayangan filem Jepun akan dibukakan bagi tontonan orang awam secara percuma.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya turut

menyaksikan tayangan perdana Festival Filem Jepun berjudul 'We Make Antiques' berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafelah.

Juga hadir sama, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Maeda Toru, bersama dalam kalangan para jemputan dari Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi ke NBD.

Manakala pada sebelah petang, Filem berjudul 'It's a Summer Film!' yang berdurasi selama 97 minit ditayangkan.

Sementara esok, tayangan filem bergenre drama berjudul 'Project Dreams – How to Build Mazinger Z's Hanger' akan memulakan

tayangannya sekitar jam 2.00 petang, manakala filem berunsur thriller atau jenayah berjudul 'Masked Ward' akan bermula pada jam 8.00 malam.

Bagi tayangan filem berunsur komedi atau fantasi bertajuk 'Not Quite Dead Yet' akan mula ditayangkan pada Ahad, 22 September 2024, jam 11.00 pagi, seterusnya filem bergenre seram atau misteri bertajuk 'The Night Beyond the Tricornered Window' akan memulakan tayangannya sekitar jam 3.00 petang pada hari yang sama, dan penutup Festival Filem Jepun akan diakhiri dengan tayangan drama berjudul 'Step' yang dijadualkan bermula pada jam 7.30 malam.

Tiket masuk adalah percuma secara walk-in sahaja dan orang

ramai yang berminat bolehlah menyaksikan tayangan-tayangan filem berkenaan mengikut jadual tayangan yang telah ditetapkan, dan sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Times Cineplex di talian +673 2341122.

TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam semasa berucap.



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis ketika menyaksikan tayangan perdana Festival Filem Jepun berjudul 'We Make Antiques'.

جائزه سکای چوچا بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

● ● ● ● ●

PANDU DENGAN PERLAHAN.
KELAJUAN YANG MELEBIHI 80 KM/J
AKAN MENYEBABKAN KENDERAAN
AWDA MELUNCUR

Perkara ini akan berlaku apabila tayar kenderaan awda tidak dapat mencengkam permukaan jalan raya dan menyebabkan kenderaan akan meluncur ke hadapan
21:49

68

100 140
40

f bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Ilmu pengetahuan sangat penting dalam kehidupan manusia. Ia merupakan kunci kepada kebahagiaan kerana dengan ilmu pengetahuan akan dapat membantu kita berjaya di dunia dan juga berjaya di akhirat. Islam mendidik kita supaya menuntut ilmu sebanyak mungkin meliputi ilmu Fardu Ain seperti seperti ilmu akidah, syariah dan akhlak serta ilmu Fardu Kifayah yang mencakupi pelbagai bidang seperti teknologi, kemahiran, perubatan dan sebagainya.

Namun dalam mencari ilmu, kita perlu mencari pembimbing atau guru. Maka di sinilah peranan dan tugas guru untuk menyampaikan dan mengajar ilmu kepada

Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan

anak didiknya. Guru itu diibaratkan seperti cahaya yang menerangi kegelapan. Ia memberi petunjuk dan panduan dalam memahami apa jua ilmu yang dipelajari. Dengan sikap yang tidak mengenal lelah atau patah semangat, mereka berkorban seluruh jiwa dan raga, masa, wang dan tenaga, berusaha dan berjuang memberikan yang terbaik kepada anak-anak didik mereka.

Tugas sebagai guru atau pendidik ini bukanlah suatu tugas yang boleh dilakukan oleh semua orang, sememangnya orang yang berkemahiran dan berkebolehan sahajalah yang dapat berbuat demikian. Tugas guru adalah menyeluruh dalam proses pembentukan diri seseorang manusia, yang menyediakan landasan atau asas yang kukuh sehingga anak-anak didiknya dapat mencapai kejayaan bukan sahaja dari segi pencapaian akademik bahkan mampu membentuk insan yang mempunyai akhlak yang baik dan keperibadian mulia.

Di dalam Islam, kedudukan guru adalah dipandang tinggi dan mulia sesuai dengan ketinggian ilmu. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11 :

Tafsirnya : "Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darat".

Dalam sebuah hadis, daripada Abu Ad-Darda Radiallahu Anhu, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya kelebihan orang yang berilmu pengetahuan dibanding dengan ahli ibadah adalah ibarat bulan purnama atas seluruh bintang-bintang". (Hadis Riwayat Abu Daud)

Memandangkan betapa besarnya jasa seorang guru kepada masyarakat, bangsa dan negara, maka sudah sewajarnya mereka dirahmati, dikasih dan dihargai. Bahkan Islam menjanjikan ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bermaksud :

"Sesungguhnya Allah, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehingga semut di sarangnya dan ikan (di lautan) pasti berselawat (mendoakan) kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Tarikh 23 September adalah tarikh yang dipilih bagi mengiktiraf sumbangan dan jasa para guru di Negara Brunei Darussalam. Tema Hari Guru pada tahun ini ialah 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan' berserta sub-temanya iaitu 'Pendidikan Untuk Dunia Yang Terus Berubah'.

Guru merupakan pemacu perubahan yang sentiasa memberi inspirasi kepada pelajar untuk mencapai potensi penuh mereka. Guru bukan sahaja sebagai pendidik tetapi juga mentor yang memupuk rasa ingin tahu, kreativiti dan juga pencetus semangat para pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat. Dengan mengadaptasi kaedah pengajaran yang inovatif dan memanfaatkan teknologi, guru akan sentiasa terus kreatif dalam pengajaran mereka dengan menjadikannya lebih menarik dan relevan dengan cabaran Abad Ke-21.

Dalam dunia digital yang pesat berubah, kemahiran literasi digital dan penilaian kritisial adalah diperlukan untuk pelajar dan guru adalah peranan penting dalam proses ini. Mereka bukan sahaja menyampaikan kandungan pembelajaran serta penilaian dengan bijaksana tetapi juga mengajar anak didik bagaimana menilai sumber maklumat yang diterima secara kritisial dan menggalakkan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab.

Guru juga sebagai pencorak masa depan pelajar. Peranan guru adalah lebih besar, bukan sekadar memberikan pengetahuan akademik malah juga memupuk kecerdasan emosi, kedayatahanan dan kemampuan menyesuaikan diri. Semua ini adalah penting dalam dunia yang sentiasa berubah. Dengan menggabungkan literasi digital dalam kurikulum dan pendekatan inovatif oleh para guru, akan boleh

dijadikan sebagai persiapan pelajar untuk menghadapi dunia yang pesat berkembang.

Dalam mendidik anak bangsa, kita selaku ibu bapa dan masyarakat juga mempunyai peranan untuk berganding bahu dan bekerjasama dengan guru-guru dalam membentuk anak-anak menjadi insan yang cemerlang dan berkualiti di masa hadapan. Guru hanya mampu mendidik mereka di sekolah, manakala di luar sekolah adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan masyarakat untuk memperkuuh pendidikan di sekolah, dengan sama-sama memata-matai, mendidik, memberi kasih sayang, mengambil peduli serta memberi teguran dan nasihat kepada anak-anak agar mereka menjadi insan yang berguna untuk agama, bangsa dan negara. Maka marilah sama-sama kita menghargai dedikasi para guru dan menyokong usaha mereka untuk memberdayakan generasi seterusnya sebagai warga global yang sentiasa siap siaga memberikan sumbangan positif kepada dunia yang sentiasa berubah dengan mencapai Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar para guru sentiasa dilimpahkan taufik dan hidayah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak bangsa dengan menyampaikan ilmu dunia dan ilmu akhirat, sekali gus dapat menjadikan negara kita maju dan aman makmur. Semoga para guru dan pendidik akan sentiasa mendapat rahmat, petunjuk dan pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : Lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : Berdirilah, hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan". (Surah Al-Mujadilah, ayat 11)

NBD berada dalam Monsun Barat Daya sehingga September

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam Monsun Barat Daya, yang pada lazimnya akan berterusan sehingga September.

Pada jam 8.00 pagi waktu tempatan hari ini, Ribut Tropika Soulik telah diperhatikan di koordinat 17.5°N 108.3°E , di kawasan laut di sebelah timur Viet Nam, sekitar 1600 kilometer (km) jauh dari NBD.

Ribut Tropika Soulik diramalkan bergerak ke arah barat dan dijangka menjadi reda.

Ribut Tropika Soulik juga dijangka dengan secara tidak langsung akan mempengaruhi keadaan cuaca negara kita.

Keadaan sedikit berangin dengan hujan atau hujan berpetir berserta angin kencang berpotensi diramalkan berlaku dalam beberapa hari akan datang. Kelajuan angin dijangka

meningkat sehingga 60 kilometer sejam (kmsj) semasa atau dekat hujan lebat.

Manakala di perairan Brunei, keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke bergelora dengan ketinggian ombak di antara 1.0 - 2.0 meter (m).

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya pokok tumbang dan kemungkinan kejadian tanah susur semasa keadaan berangin dan hujan lebat.


Risiko banjir kilat juga boleh berlaku terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.



Ribut Tropika Soulik dijangka mempengaruhi cuaca Negara secara tidak langsung dengan keadaan sedikit berangin dengan hujan atau hujan berpetir berserta angin kencang berpotensi berlaku bagi beberapa hari yang akan datang.

Siaran Akhbar | 19 September 2024



BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran

terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com;bruneiweather), Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com;brunei.weather) dan saluran Telegram [Brunei Weather](https://t.me/Brunei_Weather).



Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada
16 Rabiulawal 1446H/20 September 2024M

جامعة إلحاد مسجد
JABATAN HAL EHWAH MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan

Ilmu Pengetahuan

- Umat Islam diperintahkan untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan
- Dapat membantu kita berjaya di dunia dan di akhirat



GURU

- ✓ Ibarat cahaya yang menerangi kegelapan. Petunjuk dan panduan dalam memahami apa jua ilmu yang dipelajari
- ✓ Kedudukan guru di dalam Islam: Dipandang tinggi dan mulia sesuai dengan ketinggian ilmu
- ✓ Bukan suatu tugas yang boleh dilakukan oleh semua orang
- ✓ Tugas guru: menyeluruh dalam proses pembentukan diri seseorang manusia



23 September


Tarikh yang dipilih bagi mengiktiraf sumbangan jasa para guru di Negara Brunei Darussalam

Tema:

Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan

Apa yang boleh kita buat:

Memandangkan betapa besarnya jasa seorang guru kepada masyarakat, bangsa dan negara, maka sudah sewajarnya mereka:



Oleh itu, selaku ibu bapa dan masyarakat, kita juga memainkan peranan untuk berganding bahu dan bekerjasama dengan guru-guru dalam membantu anak-anak menjadi insan yang cemerlang dan berkualiti di masa hadapan





JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDT / KPD / 13 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran :
Kerja-Kerja Mengubah
Pintu Aluminium Sliding
Ke Double Leaf Timber
Solid Door
di Dewan Seri Kenangan,
Kompleks Dewan
Kemasyarakatan Tutong

Yuran Tawaran :
BND5.00

Bilangan Tawaran :
JDT / KPD / 14 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran :
Repair Works to Balai Raya
Kampung Bukit Udal Mukim
Tanjong Maya Tutong

Yuran Tawaran :
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
2 Oktober 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas :
III, IV & V

Kategori :
S01

**Tarikh Buka
Tawaran pada :**
Sabtu,
21 September 2024

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
8 Oktober 2024

Tarikh Tutup Pada :
Selasa,
22 Oktober 2024
Sebelum jam
2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil)



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 21

Tajuk Tawaran:
Working Visit Trip to
Ulu Temburong National Park,
14th - 17th October 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
26 September 2024
Jam 2.00 Petang



di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan
BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T014 / 2024

Perkhidmatan Kutipan
dan Pembuangan Sampah
daripada Pusat-Pusat
Pengumpulan Sampah
Daerah Tutong dalam tempoh tiga
(3) Tahun.

No. Projek :
JASTRE / BL / T014 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
IV (IV & V) sahaja

Kategori:
KA01 & KPB08 Sahaja
– Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 008 / 2024 – (CDE).T.IV

Nama Projek:
Kerja-Kerja Perlindungan Tebing
Sungai di Kampong Batu Apoi

Kelas:
IV (III & IV) sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 009 / 2024 – (CDE).T.IV

Nama Projek:
Kerja-Kerja Perlindungan Saliran
di Simpang 421, Jalan Subok

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
8 Oktober 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
22 Oktober 2024,
Tidak lewat dari jam: 2.00 Petang



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUUHM /
CONTRACT / 2024 / 9 / 1

Tajuk Tawaran :
Penyewaan Cube Rental Service,
Tingkat 1,
Bangunan Undang-Undang dan
Mahkamah-Mahkamah,
Pejabat Peguam Negara,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, BA1910,
Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
1 Oktober 2024
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat,
Divisyen Pengurusan Korporat,
Kementerian Pembangunan

Notis Sebut Harga

1. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q10
Invitation for Filemaker
Renewal Maintenance
Contract for 1 Year,
Ministry Of Development

2. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q11
Invitation to Supply,
Delivery And Testing
of A3 Color Laserjet Printer
& Supply And Delivery
of Printer Accessories
For Ministry Of Development

3. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q12
Invitation to Supply
and Commissioning
of 20 Mbps Internet
Leased Line for
Ministry Of Development

4. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q13
Invitation to Supply
and Commissioning
of Bulk Sms Gateway
For Ministry Of Development

5. Bil. Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2024 / Q14
Invitation to Supply,
Deliver and Configure
For The Renewal
of Cisco Smartnet for
Ministry Of Development

**Bayaran Bagi
Setiap E-Dokumen**

Sebut Harga:
BND10.00

(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Sabtu,
21 September 2024

**Tarikh Akhir Pembelian
dan Pembayaran:**

Khamis,
3 Oktober 2024

Tarikh Tutup:
 Isnin,
7 Oktober 2024
Sebelum 9.00 Pagi



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Nama Dokumen Sebut Harga :
Kontrak Pemeliharaan Penggal
(24 Bulan) Bagi Kerja-Kerja
Perkhidmatan Pembersihan
Bangunan Di Dewan Bahasa dan
Pustaka (Bangunan, Letak Kereta,
Jalan Raya dan Kawasan) Di Jalan
Pembangunan, Lapangan Terbang
Lama Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:
13 / DBP / SH / 2024-2025

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 24 September 2024



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas :
II Dan III sahaja

Kategori :
B01 dan KPB02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM025 / 2024

Bil. Projek
2024DBSBM/JKN.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membina Pulih
Kerosakan Pada
Dinding Undang-Undang dan
Mahkamah-Mahkamah

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa, 24 September 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
8 Oktober 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



مجلیس علمو MAJLIS ILMU 2024

سمبوتن قرایاءن هاری کقوتاءن کاوه دولي يعهمها مليا قادك سري بکندا سلطان دان يعقد فرتوان
نکارابونی دارالسلام لـ ٧٨ - تاهون

مناغني بحالا مينتل

MENANGANI GEJALA MENTAL

قاميرن مجلس علمو ٢٠٢٤

PAMERAN MAJLIS ILMU 2024

14 hingga 29 Rabiulawal 1446H
18 September hingga 3 Oktober 2024M

ISNIN - KHAMIS, SABTU
9 PAGI - 5 PETANG

JUMAAT
9 - 11 PAGI DAN 2 - 5 PETANG

AHAD
9 PAGI HINGGA 5 PETANG

**BERTEMPAT: PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Penganjur Bersama



ROMBONGAN PMB TINJAU 2 SYARIKAT PERUSAHAAN



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Alishahrin Haji Mumin



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat mengadakan lawatan ke Syarikat Angkasa Oud Agarwood Sendirian Berhad, Tanjung Maya, Tutong dan Syarikat Seri Paring Sendirian Berhad di Pangkalan Sibabau, Kampung Mentiri (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 September. - Para peserta yang menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) anjuran Jabatan Penerangan terus didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan maklumat

melalui penerangan taklimat dan lawatan ke beberapa buah tempat.

Program yang diadakan selama dua hari itu disertai oleh seramai 40 peserta yang terdiri daripada penduduk Mukim Bokok, Temburong.

Terdahulu, para peserta berpeluang mengadakan lawatan ke Syarikat Angkasa Oud Agarwood Sendirian Berhad, Tanjung Maya, Tutong. Semasa lawatan tersebut para peserta didedahkan dengan pengeluaran produk semula jadi,

termasuk minyak wangi, ubat tradisional dan barang-barang yang boleh dimakan yang diperbuat daripada kayu gaharu.

Program diakhiri dengan lawatan ke Syarikat Seri Paring Sendirian Berhad di Pangkalan Sibabau, Kampung Mentiri yang merupakan sebuah syarikat ternakan ikan.

PMB merupakan usaha Jabatan Penerangan dalam menyalurkan maklumat kepada seluruh lapisan masyarakat. Di samping itu, program ini juga menjadi salah satu platform yang unggul bagi membina jambatan yang kukuh di antara Jabatan Penerangan dan agensi-agensi kerajaan serta sektor swasta.

Program Sua Muka barigakan isu semasa, dasar kerajaan



SEKITAR Program Sua Muka bagi Kampung Zon I Kampong Ayer dan Kampung Zon II Kampong Ayer, Mukim Zon I Kampong Ayer, Daerah Brunei dan Muara bertempat di Dewan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun (atas, kanan dan bawah).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tuoh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Dalam usaha untuk membarigakan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklumat balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan,

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Zon I Kampong Ayer dan Kampung Zon II Kampong Ayer, Mukim Zon

I Kampong Ayer, Daerah Brunei dan Muara bertempat di Dewan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, di sini.

Mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Saadiatul Aqilah binti Haji Jaman dengan disertai oleh beberapa pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan yang antara lain menjelaskan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam membarigakan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan seperti Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Tambahnya, sebagai salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka, ia dihasratkan dapat mengeratkan hubungan dua hala antara pihak

kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka sejak tahun 2022 hingga hari ini jelasnya, telah dikendalikan kepada 57 buah kampung seluruh negara.

Turut dikongsikan semasa program berkenaan ialah pesanan awam mengenai penyebaran maklumat palsu (*fake news*), impaknya dan juga tatacara untuk membuat laporan mengenainya.

Turut disampaikan ialah maklumat dan pembarigaan mengenai penggantian meter prabayar kepada Sistem Meter Pintar (Unified Smart Metering System - USMS) dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Tenaga; Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya dan DST Network (DSTN) Sdn. Bhd.

Pemangku Ketua Kampung Zon I Kampong Ayer, Awang Haji Tarip bin Haji Asgar; dan Pemangku Ketua Kampung Zon

II Kampong Ayer, Awang Haji Mayalin bin Haji Saat mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas peluang dan kesempatan bagi program yang memberikan manfaat kepada penduduk kampung masing-masing melalui penyampaian maklumat-maklumat terkini yang disampaikan oleh agensi-agensi kerajaan dalam mengungkayahkan penyelesaian tentang beberapa isu yang dikemukakan dan perlu diketahui oleh penduduk kampung dan sekali gus membantu mengukuhkan hubungan erat di antara pihak kerajaan dan penduduk kampung.

Turut hadir ialah Pemangku Penghulu Mukim Zon I Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid. Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan keselamatan, prasarana dan kemudahan awam di kampung-kampung berkenaan.





PEMANGKU Timbalan Rektor (Dasar dan Korporat), Dr. Haji Arman bin Asmad dan Dekan FEKIm, Dr. Muhammad Zaki bin Haji Zaini hadir menerima anugerah ini bagi pihak UNISSA.

MALDIVES, Rabu, 18 September. - Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), sekali lagi memenangi Anugerah GIFA Market Leadership Award (Education in Islamic Banking & Finance) Ke-5.

Ini merupakan satu pencapaian yang memperkuatkukuhkan kedudukan UNISSA sebagai sebuah universiti yang unggul dalam menawarkan program-program akademik bertaraf antarabangsa, terutamanya dalam bidang kewangan Islam.

Pada tahun ini, Acara GIFA Ke-14 telah diadakan di Villa

Nautica, Maldives dihadiri oleh Menteri Kewangan, Maldives, Tuan Yang Terutama Dr. Mohammed Shafeeq.

Kemenangan kali ini menambahkan lagi rekod pencapaian FEKIm dalam memenangi anugerah tersebut, sebelumnya FEKIm menerima anugerah yang sama pada tahun 2019, 2020, 2021, 2023 dan kini pada tahun 2024.

Kejayaan ini tidak hanya menjadi pengiktirafan kepada fakulti itu sendiri tetapi juga merupakan lambang usaha berterusan universiti untuk menawarkan pendidikan berkualiti tinggi yang

KEM MEMPERKUKUH SIFAT KEPIIMPINAN DALAM KALANGAN PELAJAR

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Badan Pelajar Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (IDeMs) telah menganjurkan Program Kem Kepimpinan Pelaku Pembangunan Islam 6.0 (K2P2I) yang berlangsung selama tiga hari bermula 15 hingga 17 September 2024.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan K2P2I telah diadakan di Dewan Klub Sukan dan Kesihatan Dar Takaful Bandar Seri Begawan. Dekan FPPI, Profesor Madya Anis Malik Thoha dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa menjadi belia yang *amara bilma'ruf wa nahyi 'an munkkar* iaitu mematuhi suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya.

Acara diteruskan dengan Riadah FPPI yang melatih cara menangani rintangan dan permasalahan sebagai seorang pemimpin. Pada hari kedua, aktiviti Indahnya Berbagi diadakan, bertujuan membuka minda pelajar untuk turut serta semasa Sambutan Maulud Nabi Muhammad dengan mengagihkan minuman dan makanan kepada orang ramai semasa perarakan.

Program K2P2I 6.0 diakhiri dengan acara kemuncak iaitu Majlis Penutup K2P2I serta penyerahan

ANTARA yang menyertai Program Kem Kepimpinan Pelaku Pembangunan Islam 6.0 (K2P2I).

Sijil Anugerah Dekan, kemudian aktiviti Jawlah Wa Kidmah, iaitu pengabdian tenaga di tempat-tempat yang telah ditetapkan, seperti Pusat Perkembangan Kanak-kanak, Masjid Kampung Batong, Masjid Kampung Birau, Balai Ibadat Kampung Semabat dan Balai Ibadat Kampung Sukang.

Antara objektif program tersebut adalah bertujuan untuk memupuk semangat setia kawan antara warga fakulti serta memperkuatkukuhkan lagi sifat kepimpinan dalam kalangan pelajar. Ini selaras dengan matlamat utama FPPI iaitu mendidik pelajar dalam bidang pengurusan dan kepimpinan berteraskan Islam, dengan mencontohi junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai teladan.

Kem Tahunan ini diharapkan untuk melahirkan pemimpin yang berdaya saing dan berkebolehan dalam pengurusan berteraskan ajaran Islam serta mampu menyumbang kepada masyarakat dan negara.

FEKIm UNISSA terima Anugerah GIFA

selari dengan kehendak industri dan pembangunan akademik global.

Hadir menerima anugerah ini bagi pihak UNISSA ialah Pemangku Timbalan Rektor (Dasar dan Korporat), Dr. Haji Arman bin Asmad dan Dekan FEKIm, Dr. Muhammad Zaki bin Haji Zaini.

Anugerah GIFA adalah salah satu anugerah berprestij yang diiktiraf pada peringkat serantau dan antarabangsa, yang menghargai institusi kewangan Islam termasuk institusi pengajian tinggi yang menawarkan program berkualiti tinggi dan inovatif dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam.

FEKIm sentiasa berusaha untuk mengukuhkan lagi kedudukannya dalam industri pendidikan, khususnya dalam kewangan Islam yang semakin mendapat tempat di peringkat global.

Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen FEKIm dalam menyahut seruan Whole of Nation Approach dalam mencapai salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Pengiktirafan ini juga menunjukkan bahawa UNISSA sentiasa berusaha untuk mencapai matlamatnya menjadi

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

sebuah universiti bertaraf global. Kemenangan ini turut menjadi bukti bahawa UNISSA telah berjaya memposisikan UNISSA di peta dunia pendidikan, terutama dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam.

Kejayaan FEKIm ini juga selari dengan matlamat UNISSA untuk memainkan peranan penting dalam menjadikan Brunei sebagai hab kewangan Islam di peringkat serantau dan antarabangsa. Dengan menawarkan program-program akademik yang relevan dan memenuhi keperluan industri, UNISSA berusaha melahirkan

lebih ramai pakar dalam bidang kewangan Islam.

Ini bukan sahaja akan membantu membangunkan ekonomi negara, tetapi juga menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat kecemerlangan kewangan Islam yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Dengan pengiktirafan yang berterusan melalui Anugerah GIFA, FEKIm, UNISSA tidak hanya menaikkan nama universiti di peringkat antarabangsa, tetapi juga membantu memacu kejayaan negara dalam bidang pendidikan dan ekonomi.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Hargai Warga Perkhidmatan Awam'. Tarikh Tutup : 25 September 2024
- 'Tingkat Kesan Penderaan, Pencabulan Kanak-kanak'. Tarikh Tutup : 2 Oktober 2024
- 'Teladani Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

TINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI BIDANG KEUSAHAWANAN



JABATAN Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Cawangan Daerah mengadakan Program Masyarakat Bermaklumat dan dihadiri seramai 40 penduduk Mukim Bokok, Daerah Temburong.

BERAKAS, Rabu, 18 September. - Seramai 40 penduduk Mukim Bokok, Daerah Temburong menyertai Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang akan berlangsung selama dua hari bermula hari ini.

PMB merupakan antara usaha Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Cawangan Daerah, ke arah memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Majlis Pembukaan program tersebut diadakan pagi tadi di

Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Hadir, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod, disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Dayang Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menyentuh mengenai tujuan utama program berkenaan iaitu

bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan dan tanggungjawab kita dalam membangun negara, di samping meningkatkan kefahaman mengenai bidang keusahawanan dan program-program yang ditawarkan sama ada oleh agensi-agensi kerajaan maupun swasta.

Selain itu, program juga bertujuan bagi memahami usaha-usaha kerajaan dalam mengatasi isu pengangguran dan mendorong pertumbuhan ekonomi, serta memberikan inspirasi kepada para peserta melalui lawatan sambil belajar ke perusahaan-perusahaan tempatan.

Selaras dengan tujuan program iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan taraf hidup, pengetahuan serta

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tuoh



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Dayang Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman semasa berucap.

pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan; program ini telah disusun atur dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan ke agensi-agensi kerajaan yang terpilih sesuai dengan tema pada kali ini iaitu 'Keusahawanan'.

Meningkatkan kefahaman syarikat mengenai pentadbiran cukai



KEMENTERIAN Kewangan dan Ekonomi melalui Bahagian Hasil semasa mengadakan Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Bahagian Hasil mengadakan Sesi Pembarigaan Cukai Pendapatan Korporat pada Sabtu, 14 September 2024 yang berlangsung di Bilik Serbaguna 2, Tingkat 3, Island Block, MOFE.

Sesi berkenaan bertujuan bagi meningkatkan kefahaman kepada syarikat mengenai pentadbiran cukai di negara ini serta membantu syarikat untuk meningkatkan kesedaran terhadap pematuhan Cukai Pendapatan Korporat.

Sesi disampaikan oleh Pegawai Kewangan dari Bahagian Hasil, MOFE, Dayang Nurul Fadilah binti Haji Osman, yang antaranya menjelaskan secara menyeluruh tentang Cukai Pendapatan Korporat termasuk Basis of Assessment, Pematuhan Cukai (Tax Obligation), Perkiraan Cukai (Tax Computation) dan Pemfailan Cukai (Tax Filing) selaras dengan Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35.



Mengukuhkan kefahaman ilmu mata pelajaran agama



PEGAWAI Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei IIA, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Suriati binti Haji Awang Mohamad hadir selaku tetamu khas majlis, yang turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

SERUSOP, Khamis, 19 September. - Program Hubbul Ilmi (Mencintai Ilmu) bertujuan bagi melahirkan murid-murid yang cemerlang di samping mengukuhkan kefahaman ilmu mata pelajaran agama serta memupuk semangat dan motivasi dalam kalangan murid Darjah VI sebelum menghadapi Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah

Ugama (SSRU).

Program yang diadakan baru-baru ini dilaksanakan dalam bentuk pertandingan kuiz yang disasarkan kepada murid-murid Darjah VI sekolah-sekolah ugama kawasan Brunei IIA.

Acara berkenaan berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul

Bolkiah, Kampung Serusop.

Acara berkenaan menyaksikan pertandingan akhir antara pasukan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Sekolah Ugama Lambak Kanan (sesi petang) dan Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil (sesi pagi).

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pegawai Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei IIA, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Suriati binti Haji Awang Mohamad, yang turut menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan.

Pertandingan Kuiz berkenaan dikendalikan oleh Jawatankuasa Pemimpin-pemimpin Sekolah-sekolah Ugama (JKPSSU) Kawasan Brunei IIA.

Acara berkenaan juga merupakan salah satu usaha Bahagian Sekolah Ugama, JPI di bawah Program An-Najah (Kejayaan) bagi mendukung Rancangan Strategik KHEU 2020-2024.

Pertandingan kuiz dimenangi oleh Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil (sesi pagi), diikuti oleh Sekolah Ugama Lambak Kanan (sesi petang) di tempat Kedua, manakala tempat ketiga ialah Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

FAHAMAI LEBIH DALAM MENGENAI KESIHATAN MENTAL

PEGAWAI Pelajaran Kanan di Pejabat Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohammad Redzuan bin Haji Botty.



BERAKAS, Rabu, 18 September. - Majlis Ilmu 2024 membawa tema 'Menangani Gejala Mental' akan diteruskan dengan Forum Perdana Majlis Ilmu 2024 pada 19 September 2024 dan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2024 pada 21 September 2024, manakala Pameran Majlis Ilmu 2024 akan dibukakan kepada orang ramai mulai hari ini hingga 3 Oktober 2024.

Sehubungan itu, pihak Jawatankuasa Pameran Majlis Ilmu berharap pameran yang diadakan bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tetapi juga membantu mengurangkan stigma yang sering dikaitkan dengan kesihatan mental.

Adalah penting untuk orang ramai memahami bahawa masalah kesihatan mental boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, tidak kira usia atau latar belakang.

Demikian dinyatakan oleh Pegawai Pelajaran Kanan

di Pejabat Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohammad Redzuan bin Haji Botty selaku Ahli Kumpulan Kerja Kecil Kurator, Penyertaan dan Reka Bentuk bagi Jawatankuasa Kerja Pameran Majlis Ilmu 2024 semasa ditemu bual Pelita Brunei pada Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2024, di Pusat Persidangan Antara bangsa, Berakas.

Menurutnya, matlamat pihak pengajur adalah agar pengunjung pulang dengan pengetahuan yang lebih mendalam tentang kesihatan mental dan yang penting dapat mengambil tindakan sama ada untuk diri sendiri atau membantu orang lain yang menghadapi gejala mental.

Awang Haji Mohammad Redzuan seterusnya berharap agar orang ramai akan dapat hadir dan menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2024 untuk memperdalamkan lagi pengetahuan mengenai kesihatan mental dan mengubah cara kita melihat serta menangani isu-isu kesihatan mental dalam masyarakat.

"Kesihatan mental adalah sesuatu yang mempengaruhi kita semua dan semakin kita memahaminya, semakin kita boleh menjaga diri sendiri dan orang-orang di sekeliling kita," tambahnya.

Sementara itu, Pegawai Psikologi, Pusat Promosi Kesihatan, Dayang Nur Syamun binti Haji Matassan menyentuh mengenai tema pada tahun ini iaitu 'Menangani Gejala Mental' dipilih kerana pihak pengajur merasakan ia adalah satu topik penting dan signifikan untuk dikupas dan dibahaskan memandangkan situasi masa kini, di mana isu-isu berkaitan kesihatan mental semakin meningkat bukan sahaja di peringkat global (pasca pandemik COVID-19) bahkan juga di Negara Brunei Darussalam.

Bukan setakat itu katanya, beberapa kajian yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan juga mendapat beberapa trend menampakkan peningkatan isu-isu berkaitan dengan kesihatan mental termasuklah stres di tempat kerja, isu-isu buli di sekolah-sekolah dan lain-lain.

"Statistik terkini mendapati lebih 13,000 pesakit yang berdaftar sedang menerima rawatan di Perkhidmatan Psikiatri dan Psikologi, Kementerian Kesihatan.

"Walau demikian, ini tidak semestinya mencerminkan satu perkara yang negatif," terangnya.

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Dayang Nur Syamun menjelaskan peningkatan pesakit yang menerima rawatan tersebut juga boleh menunjukkan bahawa adanya kesedaran dalam kalangan masyarakat kita akan pentingnya menjaga kesihatan atau kesejahteraan mental dan pada masa yang sama, ia juga menunjukkan orang ramai lebih terbuka untuk mendapatkan bantuan rawatan dan sokongan kesihatan mental.

Justeru, pihak Kementerian Kesihatan tegasnya, melalui platform Majlis Ilmu pada tahun ini ingin menekankan kepada orang ramai bahawa kesihatan mental ini sama pentingnya dengan kesihatan fizikal, seperti definisi Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu kesihatan adalah keadaan fizikal, kesejahteraan mental dan sosial yang lengkap, dan bukan hanya ketiadaan penyakit atau kurang upaya.

"Kami juga ingin mengingatkan orang ramai bahwasanya,

masalah kesihatan mental ada rawatannya serta bantuan dan sokongan memang dapat diakses di Negara Brunei Darussalam sama ada melalui agensi-agensi kerajaan dan/atau bukan kerajaan.

"Agensi-agensi dan/atau bukan kerajaan ini ada ditampilkan di Zon 3 dan Zon 5, Pameran Majlis Ilmu 2024," tambahnya.

Oleh itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir ke Pameran Majlis Ilmu 2024 yang bermula hari ini hingga 3 Oktober 2024.

Pameran pada 18, 19 dan 21 September 2024 akan dibuka bermula pukul 2.00 petang hingga 5.00 petang dan pada hari-hari seterusnya pada pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Manakala, pada Jumaat, pameran akan dibuka bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 5.00 petang.

Pameran juga dibuka kepada orang ramai pada Ahad yang juga bermula pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.



PEGAWAI Psikologi, Pusat Promosi Kesihatan, Dayang Nur Syamun binti Haji Matassan.

Melengkapkan pelajar dengan kemahiran bagi menghadapi era IR4.0



SEKOLAH SAINS KESIHATAN Politeknik Brunei dengan kerjasama Syarikat SS3D mengadakan latihan intensif pencetakan 3D untuk para pelajar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Ke arah memajukan lagi pendidikan dan latihan sains kesihatan, Sekolah Sains Kesihatan Politeknik Brunei (PB) dengan kerjasama Syarikat SS3D mengadakan latihan intensif pencetakan 3D untuk para pelajar.

Inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SS3D yang bertujuan untuk menyokong transformasi digital landskap pengajian tinggi Negara Brunei Darussalam dan melengkapkan pelajar dengan

kemahiran masa hadapan (*future skills*) bagi menghadapi cabaran era IR4.0.

Latihan berkenaan dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengetua Politeknik Brunei, Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Johari.

Latihan berkenaan dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat SS3D, Awang Muhammad Saifuddin bin Sahari yang mengongsikan kepakaran industri yang sangat penting untuk memastikan pelajar menerima latihan praktikal yang menyeluruh.

Latihan berkenaan juga merupakan kesinambungan daripada latihan yang telah diadakan pada Mei 2024, dengan para pensyarah daripada Sekolah Sains Kesihatan menjalani latihan asas dalam pencetakan 3D.

Fasa terkini ialah memberi tumpuan kepada melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk mengintegrasikan teknologi pencetakan 3D dalam modul Anatomi dan Fisiologi mereka pada semester yang akan datang.

Para peserta memperoleh kemahiran dalam mengendalikan pencetak 3D, menggunakan *pre-designed templates* dan mereka bentuk model 3D yang bersesuaian. Kemahiran asas berkenaan akan menjadi kritikal apabila pelajar memulakan projek Anatomi dan Fisiologi mereka yang dijadualkan bermula pada Januari 2024.

Selaras dengan hala tuju strategik PB untuk mengintegrasikan inovasi teknologi dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), inisiatif berkenaan memperkasa pelajar dengan kemahiran terkini yang meningkatkan pemahaman mereka tentang Anatomi dan Fisiologi manusia.

Selain itu, ia juga mempersiapkan mereka untuk peranan masa depan dalam industri penjagaan kesihatan, dengan teknologi

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

dijangka memainkan peranan yang semakin penting.

Latihan berkenaan dijalankan pada sesi pagi dan petang, melibatkan para pelajar daripada pelbagai Program Diploma Sains Kesihatan Peringkat Lima, termasuk kejururawatan, kesihatan awam, teknologi kardiovaskular, bidan, dan paramedik.

Sebagai sebahagian daripada

transformasi digital yang sedang dijalankan, Sekolah Sains Kesihatan komited untuk mengintegrasikan teknologi canggih seperti pencetakan 3D ke dalam kurikulumnya.

Pada masa yang sama, sekolah berkenaan juga meneroka potensi teknologi Augmented and Virtual Realities untuk meningkatkan lagi hasil pembelajaran para pelajar.

Peluang sertai Kempen Derma Darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan sentiasa bergiat aktif dalam mengadakan Kempen-kempen Derma Darah di beberapa buah tempat.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Sabtu, 21 September 2024 di Dewan Salambigar, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kampung Salambigar bermula jam 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan disambung semula pada jam 1.30 petang hingga 4.00 petang. Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

KONVENTSYEN PEMIMPIN MUDA BRUNEI KE-5 LABUH TIRAI



PEMANGKU Pengarah, Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Nur Edzalina binti Haji Idris hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) Ke-5 2024 (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) Ke-5 2024 menutup tirai petang tadi pada majlis penutup yang berlangsung di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Selepas tiga hari melalui perbincangan berkesan dan bengkel kolaboratif, acara berkenaan ditutup dengan memfokuskan kepada bagaimana belia Brunei dapat memacu pembangunan negara ke hadapan, menyumbang kepada Wawasan Brunei 2035.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pengarah, Pejabat Wawasan Brunei, Jabatan

Perdana Menteri, Dayang Nur Edzalina binti Haji Idris.

Dayang Nur Edzalina dalam ucapannya menekankan kepentingan golongan belia sebagai agen perubahan masa depan, dengan merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-18, Tahun 2023.

Beliau turut menekankan bahawa BYLC berfungsi sebagai platform untuk peserta belia membangun dan membuktikan diri mereka sebagai penyumbang utama dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Beliau seterusnya menggesa para peserta untuk memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang konvensyen ke dalam kerjaya mereka dan juga keputusan di masa hadapan, serta berperanan proaktif dalam menangani isu-isu yang memberi kesan kepada kemajuan negara.

Akhirnya, beliau turut menekankan semangat kerjasama yang dicerminkan sepanjang acara, meraikan kejayaan BYLC 2024 sebagai usaha pendekatan Whole of Nation, dengan rakan strategik, mentor, dan pemimpin belia dalam sama-sama mencapai matlamat konvensyen.

Sementara itu, BYLC pada sebelah pagi antaranya diisi dengan dua pusingan Klinik Mentor, dengan para peserta menerima bimbingan peribadi daripada mentor berpengalaman dalam pelbagai bidang.

Klinik-klinik berkenaan memberikan nasihat yang sangat bernilai, membantu peserta memperhalusi idea dan pendekatan kepimpinan mereka.

Manakala pada sebelah petang, peserta mengambil bahagian dalam Sesi Rangkaian, berhubung dengan rakan sebaya dan pakar sekali gus membina hubungan penting untuk kolaborasi masa depan.

Peluang rangkaian berkenaan menjadi sorotan utama, apabila para peserta bertukar idea dan meneroka peluang kerjasama untuk projek-projek yang akan datang.

Melalui konvensyen berkenaan, para peserta memperoleh semangat yang tinggi, bersedia untuk melaksanakan projek inovatif yang mereka kembangkan, yang selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BYLC 2024 berjaya bersedia mendorong perubahan positif.

Untuk maklumat lanjut mengenai BYLC 2024, sila layari www.bylconvention.com.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

2 pelajar UNISSA jalani pengajian di MSU



DUA pelajar Sarjana Muda Sains Halal dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlepas ke Shah Alam, Malaysia pada Jumaat, 13 September lalu untuk memulakan pembelajaran selama setahun di Management and Science University (MSU) di bawah Program At-Tamayuz (Study Abroad Programme-SAP) (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Dua pelajar Sarjana Muda Sains Halal dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) iaitu Hanisah Jazilah Azizah binti

Bahrin dan Muhammad Khairel Kamaruddin bin Abdul Rahman berlepas ke Shah Alam, Malaysia pada Jumaat, 13 September lalu untuk memulakan pembelajaran selama setahun di Management and Science University (MSU)

di bawah Program At-Tamayuz (Study Abroad Programme-SAP).

SAP merupakan usaha UNISSA untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk mendapatkan pengalaman pendidikan yang lebih luas dan membangunkan

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



kemahiran profesional mereka di antaranya seperti komunikasi, kesedaran diri dan keyakinan.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belseyar ialah Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim dan tenaga akademik

PPHT. Pihak PPHT sangat berbangga dengan pencapaian kedua-dua pelajar ini dan berharap pengalaman mereka di MSU boleh dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk menjadikan diri mereka sebagai individu yang berkualiti, berwibawa dan bertaraf antarabangsa.

Graduan cemerlang berkat doa ibu bapa

Oleh : Nor Surilawana Haji Sulaiman, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Ihsan Siti Majidah Rahim, Nabilah Ulfah Haji Md. Mujibburahman, Jeslina Hasnal

BU bapa merupakan anugerah terindah kiriman Allah Subhanahu Wata'ala buat setiap insan. Segala kejayaan, kebaikan dan pencapaian yang dikehendaki oleh setiap insan bergelar pelajar adalah berkat doa daripada insan bernama ibu dan bapa. Jadi, hargailah ibu bapa selagi mereka ada di dunia ini. Segala kejayaan yang diperoleh oleh seorang pelajar adalah kerana reda ibu bapa yang tidak pernah putus-putus mendoakan untuk anak-anaknya.

Lantaran itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) merakamkan ucapan tahniah kepada semua graduan dan juga penghargaan kepada para ibu bapa dan penjaga dalam sama-sama memberikan sumbangan bermakna kepada kejayaan yang dicapai oleh para graduan semasa Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-14 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 28 Ogos yang lepas.

Graduan-graduan yang cemerlang dan berjaya ini telah diraikan dalam sebuah Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku sempena Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-14 baru-baru ini.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan menemui bual beberapa graduan cemerlang dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), UNISSA, untuk menceritakan serba sedikit pengalaman mereka sebagai pelajar sepanjang pengajian empat tahun dan berkongsi tip-tip kejayaan mereka.

Salah seorang graduan, Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama Kepujian dalam bidang Sains Halal, Dayang Siti Majidah binti Rahim dan juga merupakan penerima Pingat Rektor dan Anugerah Buku bagi tahun 2024 dan 2023 telah merakamkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan dan pencapaian yang telah diperolehnya. Beliau juga beranggapan bahawa salah satu faktor utama yang mendorong kepada kejayaan dan pencapaiannya adalah dorongan dan doa kedua ibu bapanya yang tidak pernah putus-putus.

"Melihat segala dukungan, kepercayaan dan usaha mereka dalam memastikan saya mendapatkan pendidikan yang terbaik, membuatkan saya bersyukur dan bertekad untuk membala jasa mereka dengan menghadiahkan mereka segulung ijazah dengan kecemerlangan," jelasnya.

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah-pensyarah di atas segala bimbingan, pengorbanan, dan dedikasi yang telah diberikan.

"Ilmu dan nasihat yang diterima sepanjang perjalanan akademik saya telah menjadi sumber inspirasi dan pendorong utama bagi saya untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan. Saya amat menghargai komitmen dan sokongan yang



tidak pernah putus, serta peluang yang telah diberikan oleh para pensyarah. Dengan penuh rasa syukur, saya mendoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala membala segala jasa baik dan usaha mereka dengan ganjaran yang tinggi, serta melimpahkan rahmat-Nya kepada mereka di dunia mahupun di akhirat," ujarnya.

Katanya, mengekalkan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.80 ke atas setiap semester bukanlah satu hal yang mudah dan ia sangat mencabar dan justeru itu, daripada segi rutin pembelajaran, pembahagian masa akan disusun *to-do-list* sebelum masuk tidur bagi hari berikutnya agar penggunaan waktu dapat dibahagikan dengan bijak.

"Sikap positif dan realistik juga amat penting, di mana saya sentiasa memupuk *mindset* 'saya boleh' dan 'saya pasti berjaya' kerana keyakinan diri adalah asas kepada pencapaian. Akhir sekali, saya percaya bahawa kejayaan juga bukan hanya terletak pada pencapaian akhir, tetapi pada usaha gigih, komitmen dan kesabaran dalam menghadapi cabaran sepanjang perjalanan," tambahnya lagi.

Dayang Siti Majidah juga sangat aktif dalam menyertai beberapa pertandingan inovasi dan persidangan antarabangsa, dan berjaya meraih pelbagai anugerah termasuklah emas, perak, gangsa, Special Halal Science Award, Most Promising Research, Best Extended Abstract dan Best Paper Research Award dan Tertiary Recognition Award oleh BrulPO. Beliau juga telah berjaya menerbitkan beberapa artikel yang boleh didapati melalui ResearchGate. Penyertaan dan pencapaian yang diperolehnya ini telah membawa hasil apabila beliau dipilih sebagai Pelajar Ikon bagi kategori pelajar prasiswazah (*undergraduate*) di PPHT selama dua tahun berturut-turut.

"Alhamdulillah, kejayaan ini memerlukan disiplin, pengurusan masa yang baik, dan komitmen yang tinggi untuk mencapai keseimbangan antara akademik dan aktiviti lain yang bermanfaat. Dan sokongan padu daripada keluarga dan pensyarah. Rasa syukur dan terima kasih ini juga tidak dilupakan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan biasiswa melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Muda Sains Halal," jelasnya. Sekarang beliau telah melanjutkan pelajaran pada peringkat Doktor Falsafah Sains Halal (PhD in Halal Science).

Mengakhiri temu bual tersebut, beliau juga tidak lupa berpesan kepada para pelajar di luar sana yang masih menjalankan pengajian untuk jangan sekali-kali meninggalkan kewajipan, dan sentiasa minta doa daripada ibu bapa serta hormat kepada pensyarah kerana itulah kunci kejayaan yang sebenar. Di samping sentiasa tekun berusaha dan berdisiplin dalam mengatur masa.

Sementara itu, graduan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama Kepujian dalam

bidang Sains Halal, dan juga penerima Pingat Pro-Canselor, Dayang Nabilah Ulfah binti Haji Md. Mujiburrahman merakamkan penghargaan kepada pihak UNISSA dan juga pensyarah-pensyarah kerana baginya kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan, didikan dan tunjuk ajar mereka sepanjang empat tahun pengajian.

"Tidak lupa juga, doa dan semangat yang diberikan oleh kedua ibu bapa, ahli keluarga, dan rakan-rakan yang dikasihi, yang telah banyak menyumbang kepada pencapaian saya pada hari ini. Sokongan moral, nasihat yang dikongsikan dan panduan yang diberikan adalah sangat berharga," tambahnya lagi.

Diimbau kembali momen ketika masih belajar, ada beberapa cabaran yang telah dihadapi beliau, terutamanya tekanan akademik dan pengurusan masa yang ketat namun ia dapat diatasi dengan merancang jadual belajar yang teratur dan pengurusan masa yang baik. Selain itu, tidak ragu untuk meminta bantuan atau nasihat daripada pensyarah jika perlu.

Ujarnya lagi, di samping itu, "Ayat 168 dalam Surah Al-Baqarah, telah mengingatkan saya agar sentiasa bersabar dan yakin dengan kemampuan diri dalam menghadapi setiap ujian yang datang. Ayat ini memberi kekuatan dan dorongan untuk terus berusaha, walaupun dalam keadaan yang sukar."

"Merujuk kepada sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, "Barang siapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan mudahkan baginya jalan untuk masuk ke syurga". (Sunan Abu Daud)

"Kepada para pelajar yang masih berjuang di luar sana, saya ingin mengingatkan bahawa kejayaan tidak datang dengan mudah. Ia memerlukan usaha yang berterusan dan semangat yang tidak pernah luntur. Jangan pernah takut untuk gagal, kerana kegagalan adalah guru terbaik yang akan mengajar kita untuk menjadi lebih baik. Percayalah pada diri sendiri, teruskan berdoa, dan jangan lupa untuk menjaga keseimbangan antara akademik dan kehidupan peribadi," jelasnya.

Sementara itu, bagi Dayang Nur Jeslina binti Hasnal, graduan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama Kepujian dalam bidang Sains Halal dan juga penerima Pingat Universiti, beranggapan bahawa kejayaan yang diperolehnya ini adalah berkat pengorbanan kedua ibu bapanya dan semestinya dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

"Saya sentiasa menerapkan bahawa mana-mana ilmu serta pengalaman yang diperolehi sepanjang saya di UNISSA ini adalah untuk mencari keredaan Allah di dunia dan akhirat. Di samping itu, ia juga untuk menolong sekali gus membala jasa keluarga saya, terutama sekali kedua ibu bapa, yang telah bertungkus-

lumus membesarakan saya dengan penuh kesabaran dan tekad. Dengan ini, saya sedar bahawa kemasukan saya di UNISSA bukanlah hasil usaha saya seorang sahaja, malah kerana pengorbanan mereka dan semestinya izin Allah Subhanahu Wata'ala," jelasnya.

Menurutnya, rakan-rakan juga sangat membantu dan memainkan peranan penting dalam menangani cabaran ketika belajar.

"Ketika mengalami tekanan dalam menyelesaikan tugas yang diberikan, Alhamdulillah dengan nasihat dan kata-kata semangat dari rakan-rakan, saya dapat menyesuaikan diri dan meningkatkan lagi ikhtiar saya dalam menangani cabaran-cabaran tersebut. Rakan-rakan inilah yang memupuk semangat untuk belajar dan bermotivasi," terangnya.

Beliau juga mengingatkan agar tidak lupa untuk mengamalkan doa dan beristighfar kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk memperoleh petunjuk, kesabaran, kekuatan serta ilham adalah merupakan suatu penyelesaian yang utama dalam menghadapi pelbagai cabaran ketika belajar.

Kepada bakal graduan di luar sana, ujarnya, sentiasalah berfikiran positif dan ingat bahawa Allah memberkati setiap orang dengan cara yang berbeza, dan rezeki yang ditetapkan untuk kita tidak akan salah alamat dan jangan takut untuk keluar dari *comfort zone* masing-masing demi mencari minat, kebolehan dan kemahiran yang sebenar sambil meningkatkan kedudukan dengan cemerlang.

Kepada diri Jeslina sendiri, beliau juga berhasrat untuk menjadi orang yang berguna di dunia dan akhirat serta orang yang mendatangkan faedah kepada keluarga, masyarakat, negara serta agama dan ini juga menjadi pembakar semangat dalam mencapai kejayaan yang diredayai oleh Allah.

Akhir kata, beliau juga tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan PPHT di atas segala tunjuk ajar, ilmu, dan kenangan terindah selama empat tahun. Sudah tentu, segala usaha, pengorbanan dan titik peluh mereka dalam membentuk dan memperbaiki diri pelajar untuk menjadi lebih baik daripada segi rohani dan jasmani, akan memberi manfaat kepada masyarakat dan masa depan Brunei.

Dengan kejayaan ketiga graduan ini terbuktialah bahawa PPHT amnya dan UNISSA khususnya berjaya melahirkan graduan-graduan berintegriti yang bukan sahaja berkualiti daripada segi pengetahuan tetapi memiliki sikap dan nilai-nilai murni yang diamalkan sejajar dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi pegangan dan amalan kita orang Brunei.



Memahami kepentingan persaingan

Rencana dan Infografik : Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

SIRI 1

PERSAINGAN adalah nadi kepada ekonomi yang berkembang maju di seluruh dunia, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD). Persaingan menyemarakkan inovasi, menurunkan harga dan memperkasakan pengguna dengan pelbagai pilihan. Pada dasarnya, persaingan adalah asas kepada ekosistem pasaran yang sihat, menggalakkan kecekapan dan kedinamikan. Memahami kepentingan persaingan adalah penting untuk para peniaga, pengguna dan penggubal dasar.

Manfaat persaingan

Pada dasarnya, persaingan menggalakkan para peniaga untuk sentiasa berusaha ke arah mencapai kecemerlangan. Bayangan sebuah pasaran yang didominasikan oleh satu syarikat, di mana syarikat tersebut bebas menetapkan harga tanpa rasa takut terhadap persaingan. Dalam keadaan ini, syarikat tersebut tidak akan mempunyai sebarang insentif untuk melaksanakan inovasi atau penambahbaikan. Sebaliknya, dalam persekitaran yang kompetitif, peniaga terdorong untuk melabur dalam penyelidikan dan pembangunan, meningkatkan kualiti produk dan meneroka cara baru untuk memenuhi keperluan pengguna.

Satu contoh yang ketara boleh dilihat dalam industri telefon pintar pada awal tahun 2000. Pada mulanya, Nokia memegang kedudukan dominan berikut keluaran telefon bimbitnya yang kukuh dan mesra pengguna. Namun, kemunculan pesaing lain seperti Apple dan Samsung telah mengubah landskap pasaran

secara drastik. Persaingan yang sengit ini membawa kepada kemajuan teknologi yang pesat, menghasilkan reka bentuk yang lebih menarik, ciri-ciri yang dipertingkatkan dan harga yang lebih kompetitif bagi pengguna.

Kebajikan pengguna yang lebih baik

Selain itu, persaingan juga memberi manfaat kepada pengguna dengan menawarkan lebih banyak pilihan pada harga yang kompetitif. Sebagai contoh, dalam industri penerbangan, beberapa syarikat bersaing untuk menarik penumpang. Persaingan tersebut membawa kepada harga yang lebih kompetitif, tawaran promosi yang menarik, dan perkhidmatan yang lebih baik, kerana setiap syarikat penerbangan berlumba-lumba untuk meraih kesetiaan dan kepercayaan pelanggan. Akhirnya, pengguna mendapat manfaat daripada harga yang lebih rendah serta penawaran produk yang lebih baik.



Menggalakkan pertumbuhan ekonomi

Selain itu, persaingan memacu pertumbuhan ekonomi melalui peruntukan

sumber yang lebih cekap. Dalam pasaran yang kompetitif, para peniaga terdorong untuk menyelaraskan operasi, mengoptimalkan penggunaan sumber dan menghapuskan sebarang ketidakcekapan. Dorongan untuk mencapai kecekapan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada perniagaan tetapi turut menyumbang kepada peningkatan produktiviti keseluruhan ekonomi.

presaingan bertujuan untuk melindungi pengguna daripada kegiatan anti-presaingan dan menggalakkan integriti dalam pasaran.



Menegakkan keadilan integriti pasaran

Walau bagaimanapun, persaingan bukan hanya melibatkan pertarungan antara peniaga untuk mendapatkan bahagian pasaran; ia juga bertujuan untuk menyediakan peluang yang sama rata kepada semua peniaga. Pihak autoriti persaingan memainkan peranan penting dalam mencegah perjanjian atau kegiatan anti-presaingan yang boleh memanipulasikan pasaran dan merugikan pengguna. Melalui kerjasama dengan penggubal dasar, pihak autoriti persaingan memastikan bahawa persaingan yang adil tidak terjejas oleh dasar yang mungkin secara tidak sengaja mengehadkan persaingan dalam pasaran. Dengan pelaksanaan perundangan persaingan, pihak autoriti

Oleh itu, memahami kepentingan persaingan adalah penting untuk memupuk ekonomi yang cekap dan sekali gus memperkasakan pengguna. Dengan mempromosikan inovasi, penawaran harga yang kompetitif, dan memastikan keadilan, persaingan memacu pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran. Para peniaga, pengguna dan penggubal dasar mesti terus menegakkan prinsip-prinsip ini untuk mewujudkan pasaran yang memberi manfaat kepada semua.

Dalam konteks NBD, Akta Persaingan dihasrat dapat membantu ekonomi negara dengan memastikan ekosistem perniagaan yang kompetitif dan berkesan, yang dapat meningkatkan kebajikan pengguna. Siri seterusnya akan membincangkan Akta Persaingan di Brunei Darussalam, larangan utama di bawah akta tersebut, serta peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya.



Operasi Bersih 14/2024 keluarkan 4 kompaun

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 September. - Bahagian Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB) telah melaksanakan Operasi Bersih 14/2024 di kawasan Menglait Gadong, baru-baru ini.

Dalam operasi tersebut, seorang individu dan tiga bengkel membaki kenderaan telah dikenakan kompaun kerana melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Pindaan 2021) Penggal 30.

Bengkel-bengkel tersebut didapati membuang sisu minyak kenderaan terpakai yang mengalir ke jalan awam dan longkang. Selain itu, sampah perniagaan seperti bekas alat ganti kenderaan telah dibuang di tanah lapang, dan terdapat kenderaan rosak yang dibiarkan di atas tanah kerajaan serta jalan awam.

Bengkel-bengkel yang dikenakan

kompaun ialah Syarikat Soon Tai Li Workshop bagi kesalahan di bawah Bab 12(1)(d) dan didenda BND1,000, Syarikat Sing Hiap Hin Motor Company bagi kesalahan di bawah Bab 12(1)(c/d/f) didenda BND2,000; Syarikat Europart Automotive (B) Sdn Bhd bagi kesalahan di bawah Bab 12(1)(d) dan didenda BND2,000.

Manakala seorang individu iaitu Jonel Ponce Lozada, bagi kesalahan di bawah Bab 12(1)(e) dan didenda BND300.

Menurut pindaan di bawah Perintah Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Pindaan 2021), kadar kompaun bagi mana-mana individu atau badan korporat yang dikenakan kompaun atas kesalahan di bawah Bab 12 atau mana-mana kesalahan lain iaitu bagi individu, denda kompaun tidak melebihi BND1,000 dan bagi badan korporat, denda kompaun



BAHAGIAN Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB) melaksanakan Operasi Bersih 14/2024 di kawasan Menglait Gadong, baru-baru ini (atas dan atas kiri).

tidak melebihi BND2,000.

Bagi kesalahan yang dilakukan oleh individu atau badan korporat yang gagal membayar kompaun dan diambil tindakan melalui mahkamah iaitu mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini, jika didapati bersalah, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak kurang daripada BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Bagi badan korporat yang melakukan kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Dalam kes-kes tersebut, individu dan syarikat yang terlibat dikehendaki membayar kompaun masing-masing di Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran BSN, Jalan Perdana Menteri, dalam tempoh tujuh hari.

Jabatan Bandaran BSB mengingatkan semua individu serta pemilik atau penyewa bangunan agar bersama-sama menjaga keindahan, kebersihan, keselamatan, dan kesejahteraan BSB.

Pada masa yang sama, jabatan ini mengalu-alukan orang ramai untuk mengumumkan sebarang aduan dan berkongsi maklumat ke nombor Talian e-Darussalam : 123 atau melalui e-mel : Info@123.gov.bn; Laman Sesawang : www.123.gov.bn; WhatsApp : +673 8333123 atau Hotline Bahagian Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar : +673 7291122 .



ANGKA KEMATIAN DI LUBNAN AKIBAT LETUPAN PERANTI KOMUNIKASI TANPA WAYAR MENINGKAT KEPADA 20

BEIRUT, 19 Sept. - Angka kematian di Lubnan akibat letupan peranti komunikasi tanpa wayar ICOM pada Rabu meningkat

kepada 20 orang dengan lebih 450 cedera, menurut Kementerian Kesihatan Lubnan.

Jumlah terbaru itu selepas 12

orang terbunuh pada Selasa dan kira-kira 2,800 yang lain cedera, 300 daripadanya kritis, dalam serangan serupa melibatkan alat kelui yang digunakan terutamanya oleh kumpulan Hizbulah Lubnan, lapor Agensi Anadolu (AA).

Jumlah gabungan korban akibat letupan pada Selasa dan Rabu mencecah 32 orang, dengan lebih 3,250 cedera.

Kementerian Komunikasi Lubnan juga mengumumkan bahawa peranti ICOM yang terlibat dalam letupan pada Rabu itu tidak berlesen dan tidak diluluskan oleh agensi keselamatan.

"Peranti ICOM V82 tidak

dilesenkan oleh kementerian, kerana pelesenan memerlukan kelulusan daripada agensi keselamatan," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Agensi Berita Nasional rasmi Lubnan melaporkan bahawa Pesuruhjaya Kerajaan Mahkamah Tentera Hakim Fadi Akiki mengarahkan agensi keselamatan mengumpulkan semua data keselamatan dan teknikal berkaitan letupan itu.

Kerajaan Lubnan dan Hizbulah menuduh Israel melakukan letupan, dengan Hizbulah berikrar akan membala dengan tindakan keras.

Walaupun Israel masih berdiam diri, media Amerika

termasuk The New York Times dan CNN melaporkan bahawa Israel menanam bahan letupan pada bateri di dalam alat kelui dan peranti elektronik lain sebelum ia sampai ke Lubnan dan kemudian meletupkannya dari jauh.

Alat kelui peranti komunikasi tanpa wayar kecil dan mudah alih digunakan oleh orang awam, pekerja penjagaan kesihatan dan lain-lain untuk komunikasi dalam organisasi atau kumpulan di Lubnan. Ia beroperasi dengan bateri boleh dicas semula dan menerima mesej teks, panggilan dan isyarat audio-visual.

- ©BERNAMA

AS saman pemilik kapal kargo berhubung jambatan runtuh, tuntut lebih US\$100 juta

WASHINGTON, 19 Sept. - Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (AS) pada Rabu menyaman pemilik dan pengendali kapal kargo yang merempuh jambatan Baltimore, bagi mendapatkan semula kos lebih US\$100 juta, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Sebuah kapal kargo merempuh satu daripada tiang sokongan Jambatan Francis Scott Key empat lorong di pelabuhan Baltimore pada 26 Mac, menyebabkan ia runtuh dan membunuh enam pekerja yang menjalankan pembinaan rutin pada masa itu.

Jabatan Kehakiman memfailkan tuntutan sivil terhadap Grace Ocean Private Limited dan Synergy Marine Private Limited, syarikat Singapura yang memiliki dan mengendalikan kapal itu.

"Jabatan Kehakiman komited untuk memastikan akauntabiliti bagi mereka yang bertanggungjawab atas kemasuhan Jambatan Francis Scott Key, yang mengakibatkan kematian tragis enam orang dan mengganggu infrastruktur pengangkutan dan pertahanan negara kita," kata Peguam Negara, AS Merrick Garland.

"Dengan tuntutan sivil ini, Jabatan Kehakiman sedang berusaha untuk memastikan bahawa kos membersihkan saluran dan membuka semula Pelabuhan Baltimore ditanggung oleh syarikat yang menyebabkan kemalangan itu, bukan oleh pembayar cukai Amerika."

Kira-kira 50,000 tan keluli, konkrit dan asfalt telah dikeluarkan dari saluran dan dari kapal, semasa usaha pemulihan.

Menurut penemuan awal, terdapat masalah dengan bekalan kuasa kapal sebelum kemalangan itu. - ©BERNAMA

Instagram perkenal 'akaun remaja'

ISTANBUL, 18 Sept. - Instagram kini memperkenalkan 'Akaun Remaja' baru yang secara automatik melindungi pengguna remaja dengan pelbagai ciri keselamatan, menurut syarikat induknya Meta Platforms, dalam satu kenyataan pada Selasa.

Agensi Anadolu melaporkan bahawa langkah ini akan mengehadkan individu yang boleh menghubungi remaja, menentukan kandungan yang dilihat serta memastikan masa yang mereka habiskan di platform ini lebih berkualiti. Langkah ini juga bertujuan memberi ketenangan kepada ibu bapa bahawa anak mereka menggunakan platform itu dengan selamat.

"Kami memahami keperluan ibu bapa untuk berasa yakin bahawa anak-anak mereka boleh menggunakan media sosial untuk berinteraksi dengan rakan-rakan dan meneroka minat mereka tanpa perlu bimbang tentang keselamatan atau kandungan yang tidak sesuai."

"Oleh itu, kami memperkenalkan Akaun Remaja, direka untuk menyokong ibu bapa dan memberi jaminan bahawa anak-anak mereka dilindungi dengan ciri keselamatan yang tepat," menurut kenyataan itu. Di samping itu, remaja juga akan mempunyai akses kepada ciri baharu yang membolehkan mereka memilih topik yang mereka mahu lihat.

"Remaja di bawah umur 16 tahun perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk membuat sebarang perubahan kepada perlindungan terbina ini," menurut Meta.

Pengguna remaja akan diletakkan dalam tetapan mesej paling ketat iaitu hanya individu yang mereka ikuti atau yang sudah terhubung dengan mereka boleh menghantar mesej kepada mereka.

Tetapan keselamatan ini turut mengehadkan kandungan sensitif seperti video pertengkaran atau kandungan yang mempromosikan prosedur kosmetik, daripada muncul dalam bahagian Explore dan Reels yang boleh diakses oleh remaja.

"Kami juga akan secara automatik mengaktifkan versi paling ketat ciri anti-buli kami 'Hidden Words', yang akan menapis kata-kata dan frasa yang menyinggung daripada komen dan permintaan DM remaja," menurut kenyataan itu.

Langkah-langkah baharu ini termasuk 'peringatan had masa' dengan remaja akan menerima pemberitahuan supaya meninggalkan aplikasi selepas 60 minit penggunaan harian.

Selain itu, Mod Tidur akan diaktifkan secara automatik antara 10.00 malam hingga 7.00 pagi, yang akan mematikan semua pemberitahuan dan menghantar balasan automatik kepada mesej yang diterima sepanjang waktu itu.

"Memandangkan ibu bapa hari ini berdepan dengan cabaran dan manfaat penggunaan internet dan media digital oleh remaja, kami memuji usaha Meta melancarkan Akaun Remaja Instagram ini," kata Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru Kebangsaan (PTA) Yvonne Johnson dalam kenyataan itu.

"Dengan ciri privasi tertentu dihidupkan secara automatik, Meta menunjukkan komitmen untuk membantu ibu bapa memastikan anak mereka mempunyai pengalaman yang lebih selamat dan sesuai dengan usia mereka di platform ini," katanya. - ©BERNAMA

Perhimpunan Agung PBB lulus resolusi gesa penamatkan pendudukan Israel dalam tempoh setahun

HAMILTON (Kanada), 19 Sept. - Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Rabu secara majoriti meluluskan resolusi yang menggesa penamatkan pendudukan "tidak sah" Israel dalam tempoh 12 bulan, lapor Agensi Anadolu (AA).

Resolusi yang dipelopori oleh Palestin itu diluluskan dengan sokongan majoriti besar, dengan 124 negara anggota mengundi menyokong, 14 menentang dan 43 berkecuali.

Resolusi ini turut disokong

bersama oleh Turkiye serta lebih 50 negara anggota lain, yang menuntut pendudukan Israel ke atas Wilayah Palestin adalah tidak sah di sisi undang-undang antarabangsa, termasuk keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) dan Majlis Keselamatan PBB (UNSC).

Menyatakan bahawa penempatan haram Israel juga melanggar undang-undang antarabangsa, resolusi itu menegaskan bahawa rakyat Palestin mempunyai hak untuk menentukan nasib mereka sendiri di bawah Piagam PBB.

Resolusi itu menegaskan semula bahawa isu Palestin adalah "tanggungjawab kekal PBB" sehingga ia diselesaikan selaras dengan undang-undang antarabangsa, sambil menekankan keperluan segera agar Israel menamatkan pendudukan yang bermula pada 1967.

Resolusi berkenaan seterusnya menyeru Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres untuk membentangkan laporan mengenai pelaksanaan resolusi itu dalam tempoh tiga bulan selepas ia diluluskan. - ©BERNAMA

Parti pemerintah Jepun cadang pemilihan PM baharu pada 1 Oktober

TOKYO, 18 Sept. - Parti Demokratik Liberal (LDP), parti pemerintah Jepun mencadangkan agar pemilihan perdana menteri baharu diadakan pada 1 Okt ketika permulaan sesi khas Diet, susulan pengunduran Perdana Menteri Fumio Kishida, menurut laporan Agensi Berita Kyodo pada Rabu.

Pemenang pemilihan kepimpinan LDP pada 27 Sept ini, hampir pasti menjadi perdana menteri baharu Jepun kerana kedua-dua dewan parliment dikawal oleh gabungan

pemerintah.

Perdana menteri baharu juga perlu mendapat sokongan daripada kedua-dua dewan itu.

Tarikh pemilihan dijangka dimuktamadkan pada 24 Sept, dengan Kabinet semasa akan memutuskan jadual rasmi pada hari yang sama.

Butiran seperti tempoh sesi khas Diet akan ditentukan oleh perdana menteri yang baharu.

Daripada sembilan calon yang bertanding untuk mengantikan

Kishida, calon termuda, Shinjiro Koizumi menyuarakan hasrat untuk membubarkan Dewan Rakyat "secepat mungkin" jika beliau dipilih sebagai perdana menteri.

Tarikh 27 Okt dan 10 Nov disebut sebagai tarikh yang mungkin untuk pilihan raya Dewan Rakyat, namun perdana menteri mempunyai kuasa untuk menentukan tarikh pembubaran Dewan Rakyat.

Bagaimanapun, pilihan raya akan datang mesti diadakan sebelum Oktober 2025. - ©BERNAMA

Menteri Ekonomi ASEAN tandatangan Protokol Kelima untuk tingkatkan ACIA

VIENTIANE, 18 Sept. - Menteri-Ekonomi ASEAN menandatangani Protokol Kelima yang bertujuan untuk meningkatkan Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA), lapor Agensi Berita Laos (KPL).

Majlis itu berlangsung di Vientiane pada Isnin (16 Sept) dan diketuai oleh Menteri perindustrian dan Perdagangan Laos Malaythong Kommasith, bersama Setiausaha Agung ASEAN Dr Kao Kim Hourn.

Acara ini diadakan semasa Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-56 dan

Mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan ASEAN Ke-27.

Protokol Kelima mencerminkan komitmen ASEAN untuk memperkuatkeyakinan pelabur dan menambah baik iklim pelaburan di rantau ini.

Ia bertujuan menyelaras rangka kerja pelaburan dalam dengan perjanjian luaran sambil menyesuaikan diri dengan permintaan perniagaan moden, sekali gus meningkatkan daya tarikan ASEAN kepada pelabur global.

Ciri-ciri utama protokol ini

termasuk penukaran senarai tempahan kepada format senarai negatif untuk meningkatkan ketulusan, pengembangan skop pelaburan kepada sektor baharu seperti pertanian, perikanan, perhutanan dan perlombongan serta pengenalan mekanisme yang lebih mudah untuk beberapa anggota ASEAN, dengan harapan negara-negara lain akan turut serta. Sebaik sahaja semua negara anggota menandatangani protokol ini, senarai tempahan yang disemak semula akan dilengkapkan dalam tempoh 180 hari. - ©BERNAMA

Presiden Algeria angkat sumpah penggal kedua

ALGIERS, 18 Sept. - Presiden Algeria Abdelmadjid Tebboune mengangkat sumpah pada Selasa bagi memulakan penggal lima tahun selepas meraih kemenangan kali kedua dalam pilihan raya presiden pada 7 Sept, lapor Agensi Anadolu.

Tebboune, yang memperoleh 84.30 peratus undi mengarahan kerajaan Perdana Menteri Nadir Larbaoui untuk meneruskan tugasnya selepas perdana menteri itu mengumumkan peletakan jawatan susulan keputusan pilihan raya itu.

Larbaoui mengumumkan peletakan jawatan kerajaannya sebagai sebahagian daripada "prosedur perlembagaan wajib" berikutnya pelantikan presiden yang baharu dipilih, menurut kenyataan pejabat presiden. - ©BERNAMA

ADB LULUS PINJAMAN US\$500 JUTA BAGI PERCEPAT PERALIHAN TENAGA INDONESIA



JAKARTA, 20 Sept. - Bank Pembangunan Asia (ADB) meluluskan pinjaman berjumlah US\$500 juta bagi membantu Indonesia mempercepatkan peralihan tenaganya.

Program Peralihan Tenaga Mampu Milik dan Lestari ini akan menyokong pelaksanaan pelbagai langkah dasar untuk membantu negara mencapai sumbangan nasional yang dipertingkatkan serta matlamat pelepasan sifar bersih menjelang 2050.

Pengarah ADB untuk Indonesia,

Jiro Tominaga dalam satu kenyataan berkata Indonesia kini berada pada persimpangan kritis dalam usaha peralihan tenaganya.

Beliau berkata bahawa program pinjaman ini direka untuk menyokong pembangunan dasar kolaboratif, menangani cabaran kompleks dalam sektor itu serta memudahkan peralihan kepada penggunaan tenaga lestari dan bersih.

Meskipun perkembangan pesat dalam kapasiti penjanaan elektrik berjaya mengurangkan banyak

masalah kekurangan bekalan tenaga, sistem tenaga negara masih bergantung kepada bahan api fosil seperti arang batu, gas dan diesel, menurut ADB.

Program ini bertujuan mewujudkan rangka kerja dasar dan kawal selia yang kukuh bagi peralihan kepada tenaga bersih, memperkuat tadbir urus sektor, memastikan kemampaman kewangan, serta memastikan peralihan yang adil dan inklusif.

Kerjasama ini melibatkan ADB dan rakan kongsi pembiayaan

bersama, Agence Française de Développement serta Kerjasama Pembangunan Jerman melalui KfW, bagi menyokong peralihan tenaga di Indonesia. (US\$1 = RM4.21)

- ©BERNAMA

Perkhidmatan kereta api menuju Gatwick dibatalkan angkara tupai

WASHINGTON, 20 Sept. - Perkhidmatan kereta api menuju Lapangan Terbang Gatwick di Britain terpaksa dibatalkan selepas kehadiran dua ekor tupai di dalam kereta api terbabit, lapor United Press International (UPI).

Great Western Railway (GWR) memaklumkan bahawa kereta api dari Reading, England, menuju ke Lapangan Terbang Gatwick di London terpaksa dilencangkan pada Sabtu akibat kehadiran tupai yang menyebabkan gangguan kepada para penumpang.

Pihak berkuasa segera memindahkan penumpang ke gerabak lain, sementara seorang pekerja Network Rail cuba mengumpam haiwan itu keluar dari kereta api di hentian Redhill menggunakan makanan.

Namun, kereta api itu kembali ke Reading selepas seekor daripada tupai itu enggan meninggalkan kereta api.

"Kami mengesahkan bahawa perkhidmatan 08.54 dari Reading ke Gatwick ditamatkan di Redhill selepas dua ekor tupai menaiki tren di Gomshall tanpa tiket, melanggar peraturan kereta api.

"Kami cuba mengeluarkan mereka di Redhill, tetapi seekor lagi tupai enggan keluar dan akhirnya kereta api itu kembali ke Reading," kata wakil Great Western Railway kepada BBC. - ©BERNAMA

Brazil denda platform media sosial X

BUENOS AIRES, 20 Sept. - Mahkamah di Brazil pada Khamis mengenakan denda terhadap syarikat milik jutawan teknologi, Elon Musk selepas beberapa pengguna di negara itu dapat mengakses platform media sosial X buat sementara waktu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Platform itu disekat di Brazil atas perintah Hakim Alexandre de Moraes, susulan kegalauannya mengambil tindakan mencukupi untuk membendung penyebaran ucapan kebencian dan berita palsu.

Beberapa pengguna berjaya mengakses X pada Rabu, menyebabkan Mahkamah Persekutuan Tertinggi mengenakan denda terhadap platform itu dan pembekal Internet satelit Starlink, kedua-duanya dimiliki Musk, sebanyak 5 juta reais (US\$920,000) bagi setiap hari platform itu melanggar larangan.

Kemas kini automatik pada aplikasi telefon membolehkan X memintas sekatan itu, menurut Persatuan Penyedia Internet dan Telekomunikasi Brazil (ABRINT).

Awal bulan ini, de Moraes mengarahkan X menyekat akaun aktivis sayap kanan yang menyebarkan teori konspirasi dan maklumat palsu. Musk menyifatkan arahan itu sebagai tidak sah dan syarikat media sosial terbabit tidak mematuhi permintaan itu.

Musk kemudian menutup pejabatnya di Brazil pada pertengahan Ogos kerana bimbang wakil syarikat di negara itu akan ditangkap. Menurut laporan media, X mempunyai sekitar 20 juta pengguna di Brazil. - ©BERNAMA

Shanghai pindahkan ratusan ribu penduduk akibat Taufan Pulasan

SHANGHAI, 20 Sept. - Shanghai memindahkan 112,000 penduduk setakat pagi Jumaat susulan beberapa bahagian bandar itu dilanda hujan lebat akibat Taufan Pulasan, lapor Xinhua. Menurut pejabat Kawalan banjir perbandaran, sebanyak 54 perkhidmatan kereta api digantung dan operasi 26 feri dihentikan.

Hujan melanda seluruh Shanghai sejak 2 pagi Jumaat, dengan purata taburan hujan di bandar itu mencapai 73.28 milimeter (mm) setakat 9 pagi waktu tempatan. Sebanyak 151 daripada 614 stesen cuaca merekodkan hujan lebat atau melampau.

Stesen meteorologi Yangjiazhai di daerah Fengxian dan stesen meteorologi Taman Nicheng di daerah Pudong merekodkan bacaan lebih 300 mm hujan dalam tempoh enam jam.

Pulasan, taufan ke-14 tahun ini melanda Fengxian, Shanghai sekitar 9.45 malam pada Khamis, selepas pendaratan pertama di Wilayah Zhejiang pada hari yang sama.

Sementara itu, Taufan Bebinca iaitu taufan ke-13 tahun ini melanda pantai Shanghai pada Isnin lalu. Ia dipercayai taufan paling kuat melanda kawasan itu dalam tempoh 75 tahun. - ©BERNAMA

Turkish Airlines hidang roti pertama di dunia kepada penumpang

ISTANBUL, 20 Sept. - Syarikat penerbangan Turkiye, Turkish Airlines akan menghidangkan penumpangnya roti pertama di dunia yang diperbuat daripada gandum dihasilkan dari tapak purba Gobeklitepe yang terkenal di tenggara Turkiye, lapor Agensi Anadolu.

Gobeklitepe yang dikenali sebagai titik sifar sejarah merupakan permulaan penting dalam sejarah peradaban manusia.

Ahmet Bolat, Pengurus Turkish Airlines, berkata roti itu akan dihidangkan kepada penumpang dalam penerbangan ke New York City pada 22 September.

"Kami akan menghidangkan roti

pertama yang diperbuat daripada gandum yang diperoleh dari rantau ini, satu daripada tapak penggalian arkeologi terpenting di negara kita, kepada penumpang kami, mempamerkan kekayaan sejarah dan warisan Anatolia kepada dunia," kata Bolat di akaun media sosialnya.

Gobeklitepe, yang dikenali sebagai kuil tertua di dunia, telah berada dalam Senarai Tentatif Warisan Dunia UNESCO sejak 2011. Ia ditemukan pada 1963 apabila penyelidik dari universiti Istanbul dan Chicago bekerja di tapak itu.

"Air Mesopotamia, matahari Anatolia, bijirin gandum pertama

tamadun telah bersatu semula selepas 12,000 tahun. Daripada syarikat penerbangan katering dalam pesawat terbaik di dunia datang roti pertama di dunia... Akan datang tidak lama lagi!", menurut Turkish Airlines di platform X.

Terletak di Sanliurfa, Gobeklitepe telah menarik kunjungan pelawat dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Pengenalan lawatan belon udara panas menandakan pengembangan ketara tawaran pelancongan di kawasan itu, memberikan pelawat tempatan dan antarabangsa perspektif unik tentang keajaiban arkeologi ini. - ©BERNAMA

Perdana Menteri Perancis Barnier bentuk kerajaan

PARIS, 20 Sept. - Perdana Menteri baharu Perancis, Michel Barnier berjaya membentuk kerajaan dan dijangka menyerahkan senarai anggota Kabinet baharu kepada Presiden Emmanuel Macron pada petang Jumaat, menurut kenyataan kerajaan pada Khamis, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Landskap politik di Perancis masih goyah susulan keputusan pilian raya parlimen awal kira-kira dua bulan yang lalu, gagal mencapai majoriti atau pakatan yang mampu membentuk kerajaan.

Barnier, bekas pesuruhjaya Kesatuan Eropah (EU), dilantik sebagai perdana menteri dua minggu lalu dengan diberi mandat

untuk membentuk Kabinet baharu minggu ini.

Barnier mengadakan rundingan dengan wakil-wakil utama daripada parti yang menyokong Macron dan Parti Konservatif, dengan harapan mereka akan memberikan sokongan kepada kerajaan baharunya.

Sesi rundingan yang turut dihadiri bekas Perdana Menteri Gabriel Attal, membincangkan struktur dan keseimbangan dalam kerajaan akan datang. Dalam pilian raya itu, parti yang menyokong Emmanuel Macron, yang dikenali sebagai pakatan centrist (berhaluan tengah) memperoleh tempat kedua.

Pakatan yang mendahului

mereka adalah New Popular Front (NFP), sebuah gabungan parti berhaluan kiri. Pakatan NFP terdiri daripada parti-parti seperti France Unbowed, Parti Sosialis, Parti Komunis dan Parti Hijau.

Kerajaan baharu dijangka diumumkan secara rasmi pada Jumaat. Masih belum jelas sejauh mana Barnier akan mengisi jawatan menteri dengan calon-calon daripada parti berhaluan kiri.

NFP pada awalnya menolak untuk menyertai kerajaan selepas Macron enggan menamakan calon mereka sebagai perdana menteri dan sebaliknya memilih Barnier yang berhaluan konservatif untuk membentuk kerajaan. - ©BERNAMA

Bumi bakal punyai 'Bulan mini' sementara selama dua bulan

WASHINGTON, 20 Sept. - Bumi dijangka mempunyai 'Bulan kedua' buat sementara waktu apabila sebuah asteroid kecil mula mengorbit planet ini pada akhir September, lapor United Press International (UPI).

Asteroid itu dikenali sebagai 2024 PT5 berasal dari jaluran asteroid Arjuna, menurut penyelidik di Asteroid Terrestrial-impact Last Alert System (ATLAS) yang dibiayai oleh NASA, iaitu sistem pemantauan asteroid di Afrika Selatan.

Penyelidik berkata bahawa tarikan graviti Bumi akan menarik 'Bulan mini' itu ke arah planet ini dan ia akan mengorbit Bumi bagi

tempoh hampir dua bulan bermula 29 Sept hingga 25 Nov.

Terdapat beberapa objek yang pernah memasuki orbit Bumi sebelum ini, tetapi kebiasaannya tidak melengkapkan putaran penuh dan tidak bertindak seperti Bulan sebenar. Para saintis menjangkakan bahawa asteroid ini akan kembali pada 2055.

Walaupun fenomena ini menarik perhatian yang meluas, namun asteroid 2024 PT5 tidak akan kelihatan dengan mata kasar atau melalui teleskop biasa yang digunakan di halaman rumah.

Penyelidik utama dan Profesor dari Universidad Complutense de Madrid, Carlos de la Fuente

Marcos berkata 2024 PT5 akan mencapai jarak kira-kira 2.8 juta batu dari Bumi dan bergerak pada kelajuan sekitar 2,200 batu sejam, membolehkan ia dipengaruhi oleh tarikan Bumi untuk sementara waktu.

"Dalam keadaan ini, tenaga geosentrifik objek mungkin menjadi negatif, dan objek itu boleh menjadi Bulan sementara Bumi. Asteroid ini akan mengalami proses itu bermula minggu depan dan berterusan selama kira-kira dua bulan. Ia tidak akan mengikuti orbit penuh mengelilingi Bumi," kata Marcos yang memantau aktiviti asteroid itu selama beberapa minggu. - ©BERNAMA



SEKOLAH SUKAN BENTANG KAJIAN TINDAKAN SUKAN V2.0

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 September. - Sekolah Sukan telah mengadakan Majlis Pelancaran Pembentangan Kajian Tindakan Sukan v2.0 (Sports Action Research

Presentation v2.0) Tahun 2024 bertempat di Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, Jalan Kebangsaan Berakas, di sini.

Hadir ke majlis tersebut

ialah Pengarah Pendidikan

Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Haji Mohamad / Mohamat yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Pada majlis itu, satu tayangan video pengenalan mengenai Pembentangan Kajian Tindakan Sukan v2.0 telah dimainkan dan seterusnya Pembentangan Kajian Tindakan Sukan v2.0 (Sports Action Research Presentation v2.0) daripada jurulatih-jurulatih dan guru-guru di Ruang Atrium.

Antara lain tujuan majlis diadakan adalah bagi membarigakan hasil-hasil kajian yang telah dibuat oleh jurulatih-jurulatih Sekolah Sukan serta guru-guru yang ikut serta. Selain itu, ia bagi meningkatkan lagi mutu kejurulatihan dan menyumbang kepada pembangunan profesional jurulatih sukan di



PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Pembentangan Kajian Tindakan Sukan v2.0 (Sports Action Research Presentation v2.0) Tahun 2024.

Negara Brunei Darussalam dan wakil persatuan dan persekutuan sukan daripada sukan angkat berat, badminton, bola sepak, bola jaring, olahraga, pencak silat dan sepak takraw.

Turut hadir, pegawai-pegawai kerajaan dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



Badminton Persahabatan ketengahkan kesihatan fizikal, mental

RIMBA, Rabu, 18 September. - Perlawanan Badminton Persahabatan di antara Pasukan Badminton Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) dan Jerudong Park Medical Centre

(JPMC) dengan Pasukan Badminton Berakas Power Company Sdn. Bhd. (BPC) berlangsung baru-baru ini di Dewan DST, Kampung Rimba.

Aktiviti ini diadakan adalah untuk

menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan untuk terus cergas dan aktif dalam aktiviti-aktiviti sukan dan juga untuk meningkatkan kesihatan fizikal serta mental dengan

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Rashid Julaihi

kerjasama secara berpasukan.

Selain itu, aktiviti ini diadakan untuk mengeratkan hubungan

silaturahim dan memperkuuh kerjasama antara pegawai dan kakitangan PJSC, JPMC dan BPC.



TUJUAN perlawanan diadakan untuk menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan untuk terus cergas dan aktif dalam aktiviti-aktiviti sukan dan juga untuk meningkatkan kesihatan fizikal serta mental dengan kerjasama secara berpasukan.

Tahukah Awda

LAIN-lain program yang disediakan dalam Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21) ialah Program Pendidikan Khusus yang mana program ini adalah bagi pelajar yang pintar cerdas (*gifted*) dalam bidang akademik tertentu seperti sains dan matematik atau berbakat (*talented*) dalam bidang muzik dan seni atau berkebolehan dalam bidang sukan. Dan juga Program Pendidikan Berkeperluan Khas di mana program ini adalah bagi pelajar yang kurang penglihatan dan pendengaran; mempunyai tantangan mental; mempunyai tantangan fizikal; dan mempunyai kesukaran pembelajaran yang spesifik.

SUMBER : www.moe.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

GURU BERKUALITI PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN